**KERAJAAN MALAYSIA**

---

# PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2022

---

## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
## PROGRAM PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM
## DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**JABATAN PERDANA MENTERI**
**7 Mac 2022**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

# PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2022

---

## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
## PROGRAM PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM
## DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**JABATAN PERDANA MENTERI**
**7 Mac 2022**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**JABATAN PERDANA MENTERI**
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8888 3904
Web: www.jpm.gov.my

Ruj. Kami: JAKIM.600-1/3/9(40)
Tarikh: 2 Mac 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

# PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2022

## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PERKHIDMATAN AWAM

### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan berhubung pelaksanaan aktiviti dan program-program Penghayatan Nilai-nilai Islam (PNI) dalam perkhidmatan awam di semua jabatan dan agensi Kerajaan.

## 2. LATAR BELAKANG

**2.1** Dasar PNI dalam Pentadbiran Awam diperkenalkan pada tahun 1985 untuk:

i) Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani;

ii) Menubuhkan sebuah "negara bahagia";

iii) Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan; dan

iv) Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.

**2.2** Pada tahun 1987, Kerajaan memperkenalkan Etika Kerja Islam bagi menerapkan amalan tadbir urus terbaik dalam kalangan penjawat awam melalui amalan nilai-nilai murni agama seperti amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, tekun, berdisiplin, tolong-menolong, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur serta menerapkan konsep kerja sebagai suatu ibadah.

**2.3** Langkah-langkah untuk menjadikan perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang unggul terus diberikan keutamaan melalui Gerakan Budaya Kerja Cemerlang dan berbagai usaha peningkatan kualiti dan produktiviti melalui amalan nilai-nilai yang menjurus kepada perubahan sikap, minda, budaya dan seterusnya paradigma perkhidmatan awam. Nilai-nilai ini telah

juga diterapkan dalam semua Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) yang bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

**2.4** Dalam tahun 1998, Kerajaan melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan yang terus memberi penekanan terhadap penerapan serta penghayatan nilai-nilai murni dan etika bagi memperkukuhkan tahap integriti pegawai dan staf. Untuk memastikan segala program dan aktiviti penerapan nilai-nilai murni dilaksanakan secara teratur, terancang dan berterusan serta mencapai matlamat yang dihasratkan, dalam tahun 2000 Kerajaan telah menetapkan garis panduan bagi menyelia program dan aktiviti yang dilaksanakan agar tercapai keseragaman dalam pelan bertindak. Garis panduan ini menetapkan mekanisma bagi pelaksanaan program nilai murni yang antara lainnya mengenal pasti kaedah seperti taklimat, ceramah, latihan, lawatan dan sebagainya dan secara khusus bagi penjawat awam beragama Islam, menuntut supaya wujud sikap takwa kepada Allah SWT.

**2.5** Berasaskan dasar, arahan, panduan dan gerakan yang disebutkan, jabatan dan agensi Kerajaan telah menganjurkan ceramah agama Islam untuk menerapkan nilai-nilai agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan dengan matlamat untuk membentuk kakitangan awam Islam yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam.

**2.6** Selain itu, aktiviti-aktiviti seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidurrasul dan sebagainya turut dianjurkan untuk memperingati dan menyedarkan kakitangan perkhidmatan awam tentang amalan-amalan unggul kepemimpinan Islam yang perlu diteladani.

**2.7** Sebagai panduan bagi pelaksanaan ceramah penerapan nilai-nilai Islam, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2001, Garis Panduan Bagi Mengadakan Ceramah Penerapan Nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam sebagai usaha untuk meningkatkan kefahaman berkaitan amalan nilai-nilai murni Islam dalam kalangan anggota perkhidmatan awam agar nilai-nilai tersebut diterapkan dalam amalan kerja seharian.

**2.8** Penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota perkhidmatan awam adalah sangat sesuai dalam menghasilkan perkhidmatan yang produktif dan hasil yang bermutu.

**2.9** Setiap jabatan dan agensi Kerajaan perlu melaksanakan program penghayatan nilai-nilai Islam secara lebih sistematik dan berterusan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Dengan itu, Pekeliling ini menyediakan panduan yang perlu diikuti dan diberi perhatian oleh semua Ketua Jabatan dan Agensi.

## 3. OBJEKTIF PELAKSANAAN

Pelaksanaan program PNI adalah selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan kerohanian, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari sudut kekuatan rohani dan jasmani. Sehubungan itu, dasar dan objektif program PNI adalah ditetapkan seperti berikut:

i) Meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap amalan nilai-nilai murni agama Islam dalam perkhidmatan bagi melahirkan anggota perkhidmatan awam yang mempunyai kekuatan spiritual, intelektual dan emosi yang seimbang;

ii) Meningkatkan motivasi penjawat awam berasaskan nilai-nilai murni agama Islam bagi meningkatkan produktiviti organisasi ke arah mencapai tadbir urus terbaik dalam perkhidmatan (*good governance*);

iii) Memupuk nilai-nilai unggul berteraskan Maqasid Syariah ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera khususnya dalam kalangan penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya; dan

iv) Mengurangkan salah faham terhadap Islam sebagai cara hidup khususnya dalam kalangan anggota perkhidmatan awam.

## 4. TAKRIFAN

Bagi maksud Pekeliling ini:

i) "**Ketua Jabatan**" ertinya Ketua-ketua Jabatan di bawah Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri dan semua Pihak Berkuasa Tempatan;

ii) "**PNI**" ertinya Penghayatan Nilai-nilai Islam;

iii) "**Tenaga Profesional**" ertinya penceramah, moderator, fasilitator atau jurulatih yang bertauliah.

## 5. PELAKSANAAN

Program PNI dalam perkhidmatan awam dilaksanakan berpandukan kepada peraturan-peraturan berikut:

i) **Program Berskala Kecil**
Program yang dilaksanakan dalam tempoh dua (2) jam hingga sehari.

ii) **Program Berskala Besar**
Program yang dilaksanakan melebihi sehari.

iii) **Pengisian Program**

Pengisian program dikategorikan kepada empat (4) bidang utama iaitu akidah, syariah, akhlak dan Sambutan Hari Kebesaran Islam seperti di **Lampiran A**.

iv) **Metodologi Pelaksanaan**

a) Ceramah
b) Seminar
c) Kursus/Bengkel
d) Wacana
e) Diskusi
f) Latihan Dalam Kumpulan (LDK)
g) Aktiviti Luar
h) Lain-lain metodologi yang bersesuaian

v) **Tenaga Profesional**

Tenaga profesional hendaklah:

a) Warganegara Malaysia;
b) Berpegang kepada mazhab Syafie dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ);
c) Mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkaitan; dan
d) Mempunyai tauliah mengajar atau kebenaran daripada pihak-pihak berkaitan.

vi) **Kos Pelaksanaan**

Jabatan atau agensi Kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi selaras dengan dasar dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

vii) **Pelaksanaan Program**

Pelaksanaan program-program PNI yang ditetapkan dimasukkan dalam perancangan pelaksanaan program-program latihan kementerian/jabatan/agensi Kerajaan. Program-program PNI yang dilaksanakan hendaklah dilaporkan oleh pegawai bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan.

viii) **Penyertaan Dalam Program**

Semua penjawat awam yang beragama Islam adalah digalakkan supaya menghadiri program ini. Bagi yang bukan beragama Islam, mereka juga adalah dipelawa untuk mengikutinya bagi menambah kefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni.

## 6. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah:

i) Bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan program penghayatan nilai-nilai Islam jabatan dan agensi masing-masing selaras dengan garis panduan yang ditetapkan;

ii) Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi selaras dengan dasar dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;

iii) Merancang, melaksana, memantau dan melaporkan pelaksanaan program-program PNI melalui Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM yang ditempatkan di kementerian/jabatan/agensi Kerajaan;

iv) Melantik seorang pegawai beragama Islam untuk mengurus dan melaksanakan program PNI di agensi tersebut bagi kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang tiada Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM; dan

v) Mengambil kira kehadiran peserta ke program PNI sebagai kehadiran berkursus dan direkodkan dalam perkhidmatan.

## 7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan terpakai sehingga dibatalkan, melainkan jika terdapat arahan terkini atau perkembangan baharu yang memerlukannya dikaji semula.

## 8. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua Ketua-ketua Jabatan di bawah Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

dan Negeri dan semua Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

## 9. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2001 bertarikh 18 Mei 2001 **adalah dibatalkan**.

## 10. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Pekeliling Am ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Bahagian Dasar Kemajuan Islam
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Telefon : 03-8870 7000
No. Faks : 03-8870 7003
Web : www.islam.gov.my

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**)
Ketua Setiausaha Negara

**Lampiran A**

## PENGISIAN PROGRAM PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PERKHIDMATAN AWAM


| Tajuk | Muka Surat |
|---|---|
| **A. Akidah** | |
| 1. Kerangka Pemikiran Islam Sebagai Pegangan Hidup Penjawat Awam | 14 |
| 2. Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Benteng Kekuatan Ummah | 16 |
| 3. Ilmu, Iman dan Amal; Pembentukan Pegawai dan Kakitangan Awam yang Cemerlang | 18 |
| 4. Pencemaran Akidah Penghalang Kecemerlangan Prestasi Organisasi | 20 |
| **B. Syariah** | |
| 1. Kerja Sebagai Ibadah | 22 |
| 2. Institusi Keluarga Bahagia ke Arah Kecemerlangan Prestasi Kerja | 24 |
| 3. Pembangunan Berterusan Satu Tuntutan Melalui Pendekatan Bersepadu | 25 |
| 4. Peranan Rukun Islam dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat | 26 |
| 5. *Amar Makruf Nahi Mungkar* Sebagai Teras kepada Kemantapan dan Keutuhan Diri Serta Organisasi | 28 |
| 6. Konsep Jihad dalam Islam | 30 |
| 7. Konsep *Syura* dalam Pentadbiran | 32 |
| 8. *Fiqh al-Aulawiyat* dalam Pendekatan Pengurusan | 34 |
| 9. Pemakanan Seimbang dan Kecemerlangan Diri | 35 |
| 10. Kepentingan Nilai dan Etika dalam Organisasi | 37 |
| 11. Kualiti: Tuntutan dan Pencapaiannya Menurut Islam | 39 |
| 12. Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara | 41 |
| 13. Islam Menurut Perlembagaan | 42 |
| 14. Hak Asasi Manusia Menurut Islam | 45 |
| 15. Pengurusan Harta | 48 |
| 16. Pengurusan Kewangan Islam | 51 |
| 17. Halal dan Kepenggunaan | 53 |
| 18. Aplikasi Maqasid Syariah dalam Perkhidmatan Awam | 57 |
| **C. Akhlak** | |
| 1. Amanah | 60 |
| 2. Benar | 62 |
| 3. Bijaksana (Hikmah) | 63 |
| 4. Telus | 65 |
| 5. Bersyukur | 66 |

| Tajuk | Muka Surat |
|---|---|
| 6. Adil | 68 |
| 7. Bersih | 70 |
| 8. Tekun | 72 |
| 9. Sabar | 74 |
| 10. Sederhana | 76 |
| 11. Taat | 78 |
| 12. Berdisiplin | 80 |
| 13. Malu | 82 |
| 14. Bekerjasama | 83 |
| **D. Program Hari Kebesaran Islam** | 85 |

## AKIDAH

Tajuk : Kerangka Pemikiran Islam Sebagai Pegangan Hidup Penjawat Awam

Objektif : Meningkatkan kefahaman penjawat awam mengenai tasawur Islam dan menjadikannya sebagai pegangan hidup.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengertian | | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*Akidah al-Tahawi*<br><br>*Akidah al-Nasafi*<br><br>*Mustika Hadis*<br><br>*al-Islam (Said Hawa)*<br><br>*Syubhat Haulal Islam (Muhammad Qutb)*<br><br>*Manusia dan Islam (Dato' Dr. Haron Din)* |
| 2. | Isi | | |
| | a. Tasawur Islam yang menyeluruh: | - Menggambarkan cara hidup Islam: | |
| | i) Akidah | i. Akidah/Iman | |
| | ii) Syariah | ii. Syariah<br>- Ibadat<br>- Munakahat<br>- Muamalat<br>- Jinayat | |
| | iii) Akhlak | iii. Akhlak<br>- Mencari ilmu<br>- Memelihara kesihatan<br>- Memelihara akal<br>- Memelihara kebebasan<br>- Memelihara hak<br>- Memelihara keharmonian | |
| | b. Sumber-sumber pemikiran Islam | - Perbandingan dengan falsafah pemikiran sekular:<br>i. Definisi sekular<br>ii. Sejarah ringkas sekular<br>iii. Ideologi-ideologi barat<br><br>- al-Quran<br>- al-Hadis<br>- Ijmak Ulama<br>- Qias | |
| | c. Ajaran Islam meliputi fizikal, spiritual dan intelektual | - Islam mementingkan pembangunan jasad dan roh.<br>- Islam menyarankan agar menjaga enam perkara:<br>• Agama<br>• Harta<br>• Jiwa<br>• Akal<br>• Zuriat (generasi umat)<br>• Negara | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - Islam meletakkan akal di tempat yang mulia dan membina pemikiran manusia ke arah positif:<br>• Bersedia menerima perubahan ke arah kebaikan.<br>• Bersedia menghadapi masalah dan cabaran.<br>• Mampu membuat perancangan yang terbaik.<br>• Mampu membuat keputusan terbaik. | |
| | d. Matlamatnya untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat | i. Islam agama sederhana<br>- Islam melarang bersikap melampaui batas sekalipun dalam perkara-perkara ibadah.<br>- Islam menyuruh bersikap sederhana dalam segala hal (Rujuk Hadis 3: sahabat yang mahu beribadat):<br>• Tidak mahu makan (puasa berterusan).<br>• Tidak mahu kahwin/nikah selamanya.<br>• Tidak mahu tidur selamanya.<br><br>ii. Islam agama ilmu (dunia dan akhirat):<br>- Islam memberi penghormatan tinggi kepada golongan yang berilmu.<br>- Tidak ada pengasingan ilmu dunia dan ilmu agama.<br><br>iii. Islam agama bekerja dan beribadah:<br>- al-Quran menyuruh manusia bekerja; Surah *al-Qasas,* 28:77.<br>- al-Quran menyuruh manusia beriman.<br>- Semua ibadah membawa manfaat dunia dan akhirat.<br><br>iv. Islam agama muhibah dan keselamatan:<br>- Islam agama keampunan dan kemaafan.<br>- Islam agama kebajikan dan bertanggungjawab.<br>- Islam agama keselamatan.<br><br>v. Islam agama mudah:<br>- Semua perintah Allah SWT dalam kemampuan manusia.<br>- Larangan Allah SWT menghindarkan kemudaratan.<br><br>vi. Islam agama berakhlak mulia:<br>- Nabi diutus demi kemuliaan akhlak.<br>- Islam menyuruh umat membangun serentak dengan pembangunan akhlak. | *Kitab Subulus Salam* |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Islam sebagai pegangan hidup. | |

Tajuk : Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Benteng Kekuatan Ummah

Objektif : Meningkatkan kefahaman anggota perkhidmatan awam supaya berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menolak fahaman lain yang bertentangan dengannya.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan<br>Definisi Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah agar dapat difahami dan mengenali mereka dengan jelas dan tepat | Definisi mengikut ulama tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah disimpulkan ialah:<br>- Orang yang berpegang teguh dengan kitab Allah SWT, sunnah Rasul-Nya dan apa yang dipersetujui oleh para sahabat dan Tabiin juga pengikut mereka sampai ke hari ini. Beriltizam dengan kedua-duanya sama ada perkataan, perbuatan mahupun iktikad dan bertepatan dengan sumber-sumber sebagaimana yang difahami dan diamalkan oleh *Salaf al-Salih*.<br>- Kedudukan Ahli Sunnah Wal Jamaah masa lampau yang telah dapat membangunkan insan dan seluruh manusia. | |
| 2. | Isi<br>a. Kenapa dipanggil Ahli Sunnah Wal Jamaah? | Mereka dipanggil sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana mereka mengikut Sunnah Rasulullah SAW. Cara yang diikuti oleh para sahabat R.A dan orang yang mengikut jalan mereka iaitu berpegang dengan kitab Allah SWT dan sunnah Rasul-Nya. | |
| | b. Ciri-ciri Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah | - Meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber tertinggi.<br>- Mendahulukannya daripada sumber-sumber lain dan beramal mengikut sebagaimana yang difahami oleh para sahabat R.A dan *Salaf al-Salih*. | |
| | c. Perbezaan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan:<br>- Syiah<br>- Muktazilah<br>- Khawarij | **Syiah**<br>- Mendakwa berpegang kepada *Ahli al-Bait* (Keluarga Rasulullah SAW).<br>- Imam-imam dianggap *ma'sum* melebihi para Nabi dan Rasul.<br>- Menolak mashaf al-Quran yang ada (*Mashaf Uthmani*). Hanya menerima *Mashaf Fatimah* yang didakwa tiga kali ganda besarnya daripada al-Quran *Mashaf Uthmani*.<br>- Mencaci dan mengkafirkan para sahabat R.A.<br>- Beramal dengan konsep nikah *mut'ah*.<br>- Berpegang kepada konsep *taqiyyah*. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - Menambah syahadah iaitu ditambah *"Wa Asyhadu Anna Ali Ruhullah"* selepas dua kalimah syahadah yang sebenar.<br><br>**Muktazilah**<br>- Mendakwa al-Quran itu baharu.<br>- Banyak menggunakan fikiran/akal dalam memahami agama dan banyak persamaan dengan falsafah barat dan kristian.<br><br>**Khawarij**<br>- Menghukum kafir terhadap orang lain kerana melakukan sesuatu dosa. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Umat Islam mesti berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah mempunyai asas yang kukuh dari segi akidah, syariah dan akhlak berdasarkan kepada al-Quran, al-Hadis, Ijmak dan Qias. | |

Tajuk : Ilmu, Iman dan Amal; Pembentukan Pegawai dan Kakitangan Awam yang Cemerlang

Objektif : Meningkatkan kefahaman kepada penjawat awam supaya menjadikan ilmu, iman dan amal sebagai pemangkin kepada mencapai kecemerlangan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengertian ilmu, iman dan amal | **Ilmu**<br>- Pengetahuan tentang sesuatu.<br><br>**Iman**<br>- Kepercayaan yang meresap ke dalam hati.<br>- Penuh keyakinan.<br>- Mempengaruhi pandangan hidup dan tingkah laku seseorang.<br><br>**Amal**<br>- Semua usaha/kerja/perbuatan/ tindakan yang dilakukan. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| 2. | Isi<br>a. Kepentingan ilmu, iman dan amal | - Arahan Allah SWT supaya manusia berilmu, beriman dan beramal.<br>- Menjadi keperluan asas insan dalam menjalani kehidupan.<br>- Membezakan manusia dengan makhluk lain.<br>- Memelihara martabat insan.<br>- Menjadikan hidup manusia menepati matlamat pencipta-Nya.<br>- Dalil:<br>al-Quran;<br>Surah *al-'Alaq*, 96:1-5<br>Surah *al-'Asr*, 103:1-3<br>Surah *al-Zalzalah*, 99:7-8<br>Surah *al-Zumar*, 39:9<br><br>Hadis *"Mengenai Islam, Iman dan Ihsan".*<br>(Riwayat Bukhari dan Muslim) | |
| | b. Peranan ilmu, iman dan amal dalam melahirkan pegawai dan kakitangan yang cemerlang | - Melahirkan pegawai yang berpengetahuan tinggi.<br>- Komited dengan budaya ilmu dan ada kekuatan pegangan.<br>- Kuat bekerja dan memberi yang terbaik.<br>- Menyempurnakan kerja yang cemerlang.<br>- Mengelakkan penyelewengan dan pembaziran.<br>- Mengharapkan keredaan daripada Allah SWT. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Pegawai dan kakitangan yang baik ialah mereka yang dapat merealisasikan ilmu, iman dan amal dalam semua aspek kehidupan. | |

Tajuk : Pencemaran Akidah Penghalang Kecemerlangan Prestasi Organisasi

Objektif : Memastikan akidah penjawat awam yang betul supaya mendorong kepada kecemerlangan organisasi.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengertian pencemaran akidah | Sesuatu iktikad atau kepercayaan yang bercanggah dengan nas-nas syariah dari al-Quran dan al-Sunnah. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| 2. | Isi<br>a. Faktor pencemaran akidah | i. Faktor dalaman:<br>- Tidak berilmu.<br>- Kepentingan hawa nafsu.<br>- Kepentingan kebendaan dan harta.<br>- Kepentingan pangkat dan jawatan.<br>- Mencari jalan singkat untuk mendekati Tuhan.<br><br>ii. Faktor luaran:<br>- Perancangan musuh Islam.<br>- Kemasukan pengaruh luar:<br>• Falsafah<br>• Hindu-Buddha<br>• Kristian-Yahudi | |
| | b. Ciri-ciri yang merosakkan akidah | - Syirik dan kufur kepada Allah SWT.<br>al-Quran; Surah *Yunus*, 10:101<br><br>- Tidak berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah.<br>al-Quran; Surah *al-Hasyr*, 59:22<br>al-Quran; Surah *al-Ikhlas*, 112:1-4<br><br>- Mengikut logik akal semata-mata.<br>al-Quran; Surah *Yunus*, 10:101<br><br>- Kepercayaan sentiasa berubah-ubah.<br>al-Quran; Surah *al-Baqarah*, 2:14 | |
| | c. Kesan pencemaran akidah kepada kecemerlangan organisasi | - Tidak berkualiti dalam perkhidmatan.<br>- Mempengaruhi orang lain.<br>- Berlaku perpecahan dalam organisasi. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | d. Strategi menghalang pencemaran akidah | - Memperbanyakkan program menambahkan ilmu dan memberi kesedaran.<br>- Memperhebatkan usaha dakwah. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Dengan menambahkan ilmu pengetahuan mempertingkatkan kesedaran dan menggandakan lagi usaha dakwah dapat membendung pencemaran akidah. | |

## SYARIAH

Tajuk : Kerja Sebagai Ibadah

Objektif : Untuk memberi kefahaman yang jelas kepada penjawat awam tentang pengertian kerja sebagai ibadah.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Setiap perbuatan yang dilakukan oleh seorang Muslim akan dianggap sebagai ibadah jika ia memenuhi kriteria syarak. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam al-Nawawi) Jld. 4*<br><br>*Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam (Dr. Yusuf al-Qaradhawi)* |
| | a. Definisi kerja sebagai ibadah | - Kerja iaitu kesungguhan yang dilaksanakan oleh manusia bagi mendapatkan upah atau ganjaran.<br>- Ibadah ialah kepatuhan dari ketaatan kita kepada ketinggian dan kekuasaan Allah SWT yang diiringi kesanggupan menyerah diri kepadanya. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Taubah*, 9:105<br>Surah *al-Mukminun*, 23:51<br>Surah *al-Najm*, 53:39<br>Surah *ali 'Imran*, 3:195<br><br>al-Hadis; Sabda Rasulullah SAW: *"Hanya sesungguhnya pekerjaan itu disertai dengan niat".*<br>(Riwayat Bukhari dan Muslim) | |
| 2. | Isi<br>a. Konsep kerja dalam Islam | Segala tindakan dan kerja hendaklah berorientasikan kepada ciri-ciri serta nilai-nilai kerja sebagai amal soleh.<br>"Bersifat sepadu (tauhid) antara duniawi, ukhrawi, rohani dan jasmani".<br><br>al-Quran;<br>Surah *al-Jumu'ah*, 62:10<br>Surah *al-Qasas*, 28:77 | |
| | b. Kategori kerja sebagai ibadah | - Kerja untuk keperluan peribadi (diri). Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *"Jika pergi seseorang di antara kamu pada tengahari untuk mengambil kayu bakar di belakangnya, sehingga dia dapat bersedekah darinya dan mencegah daripada meminta-minta, maka yang demikian adalah lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada orang lain sama ada diberi atau tidak* | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | *kerana tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah, mulailah daripada yang terdekat.”*<br><br>- Bekerja untuk keperluan keluarga.<br>- Bekerja untuk keperluan masyarakat.<br>- Bekerja untuk memakmurkan bumi Allah SWT. | |
| | c. Ciri-ciri kerja sebagai ibadah | - Niat kerana Allah SWT.<br>- Berteraskan iman dan takwa.<br>- Tidak meninggalkan yang wajib.<br>- Mendapat ganjaran dunia dan akhirat. | |
| | d. Syarat-syarat pekerjaan sebagai ibadah | - Pekerjaan itu mestilah perbuatan yang harus atau boleh dikerjakan menurut syarak.<br>- Pekerjaan yang disertakan dengan niat yang baik dan diredai Allah SWT.<br>- Pekerjaan yang dilaksanakan dengan tekun, cekap dan bersungguh-sungguh.<br>- Pekerjaan berasaskan prinsip syariah seperti amanah, adil dan bertanggungjawab.<br>- Menghasilkan kerja yang berkualiti. | |
| | e. Hubungan ibadah kepada pembentukan peribadi | - Falsafah amal ibadah di dalam Islam adalah untuk membentuk sikap dan disiplin bagi melahirkan golongan pekerja yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai mulia dalam pekerjaan.<br>- Pekerjaan yang dilakukan adalah menjadi tanggungjawab ke atas diri sendiri serta akan dihisab menurut pekerjaan yang dilakukan. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | - Setiap kerja yang dilakukan dikira sebagai ibadah selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam.<br><br>Sabda Rasulullah SAW: “*Tiga perkara yang mengiringi jenazah ...”.* (Hadis Muttafaq Alaih)<br><br>Sabda Rasulullah SAW: *“Apabila matinya seseorang manusia, maka terputuslah segala amalnya”.* | |

Tajuk : Institusi Keluarga Bahagia ke Arah Kecemerlangan Prestasi Kerja

Objektif : Memberi kesedaran kepada penjawat awam tentang kepentingan membentuk keluarga bahagia sebagai penyumbang kepada kecemerlangan kerjaya.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Kebahagiaan rumah tangga merupakan pemangkin kepada penjawat awam untuk mencapai kejayaan dalam kerjayanya. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam al-Nawawi)* |
| | a. Definisi keluarga bahagia | Keluarga bahagia ialah keluarga yang bertakwa dan soleh serta mampu mewujudkan kedamaian dan ketenteraman hidup. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Rum*, 30:21<br>Surah *al-Nisa'*, 4:19<br><br>al-Hadis; Sabda Rasulullah SAW: *"Dunia adalah barang perhiasan, sebaik-baik perhiasan ialah wanita solehah".* (Riwayat Muslim) | |
| 2. | Isi | | |
| | a. Faktor yang mewujudkan keluarga bahagia | - Memahami matlamat perkahwinan.<br>- Pelaburan dunia dan akhirat.<br>- Suami sebagai ketua/pemimpin dalam keluarga.<br>- Pembahagian tugas dan tanggungjawab antara suami dan isteri.<br>- Mewujudkan suasana beragama dalam rumah tangga. | |
| | b. Kecemerlangan kerjaya bermula dari rumah | - Suami isteri yang ceria di rumah akan menghasilkan keceriaan di tempat kerja.<br>- Pengurusan rumah tangga yang teratur tidak menganggu pengurusan di pejabat.<br>- Suasana soleh di rumah mewujudkan pengurusan takwa di tempat kerja. | |
| | c. Kesan rumah tangga tidak bahagia | - Rumah tangga tidak dapat diurus dengan baik.<br>- Pertumbuhan dan pembesaran anak terjejas.<br>- Suami isteri dan anak-anak menghadapi kecelaruan fikiran dan tekanan hidup.<br>- Keluarga berpecah belah dan berlaku perceraian. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Keluarga bahagia merupakan aset penting bagi melahirkan masyarakat dan negara yang sejahtera. | |

Tajuk : Pembangunan Berterusan Melalui Pendekatan Bersepadu

Objektif : Untuk memberi kefahaman kepada penjawat awam mengenai konsep pembangunan bersepadu dan berterusan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Pembangunan yang seimbang sangat penting untuk meneruskan kelangsungan tamadun manusia. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Pembangunan bersepadu ialah membangunkan potensi yang ada pada manusia dan persekitaran bagi mencapai kecemerlangan di dunia dan mencapai hasanah di akhirat. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:201<br>Surah *al-Qasas*, 28:77<br>Surah *al-Ra'd*, 13:11 | |
| 2. | Isi<br>a. Aspek pembangunan insan | - Rohani<br>- Jasmani<br>- Amal<br>- Intelek<br>- Emosi | |
| | b. Matlamat pembangunan berterusan dalam Islam | - Untuk mencapai keredaan Allah SWT.<br>- Membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada manusia.<br>- Meningkatkan kualiti dan prestasi perkhidmatan. | |
| | c. Mengapa pembangunan itu perlu berterusan? | - Memastikan manusia sentiasa mencapai kesenangan dan kebahagiaan yang hakiki.<br>- Membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada manusia. | |
| | d. Kelemahan dan halangan pembangunan tidak bersepadu | - Setiap amalan/pekerjaan menjadi sia-sia dan tidak diberkati Allah SWT.<br>- Melahirkan masyarakat yang lemah dari segi akidah, syariah dan akhlak. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Pembangunan insan adalah penting untuk melahirkan kesejahteraan hidup manusia dan mengelakkan berlakunya kemusnahan.<br>al-Quran;<br>Surah *al-A'raf*, 7:9<br>Surah *al-Isra'*, 17:15-16 | |

Tajuk : Peranan Rukun Islam dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat

Objektif : Memberi kefahaman kepada penjawat awam tentang hubungan rukun Islam dengan pembangunan sosio-ekonomi.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan<br><br>Definisi rukun Islam<br><br>b. Dalil | Hubungan antara rukun Islam dan kehidupan.<br><br>al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:201<br>Surah *al-Qasas*, 28:77<br>Surah *al-Ra'd*, 13:11 | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam al-Nawawi) Jld. 4*<br><br>*Manusia dan Islam (Dato' Dr. Haron Din)* |
| 2. | Isi<br>a. Memahami rukun Islam | - Syahadah: menerangkan konsep *uluhiyah* dan *rububiyah.*<br>- Solat: disiplin masa, kebersihan dan hidup berorganisasi.<br>- Puasa: mengekang hawa nafsu kerana Allah SWT dan menghidupkan roh jihad.<br>- Zakat: mengumpul dan membelanjakan harta kerana Allah SWT.<br>- Haji: hubungan universal antara umat sejagat. | |
| | b. Menunaikan semua rukun Islam sebagai asas membangun kekuatan umat | - Memantapkan hubungan dengan Allah SWT.<br>- Merapatkan hubungan dengan manusia.<br>al-Quran;<br>Surah *ali 'Imran*, 3:112 | |
| | c. Menyedarkan penjawat awam tentang kewajipan menyumbang kepada ekonomi, sosial, masyarakat dan negara | al-Quran;<br>Surah *al-Qasas*, 28:77<br>Surah *al-Jumu'ah*, 62:10<br><br>al-Hadis; bermaksud: *"Pemimpin itu adalah pemerintah dan ia bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya".* (Riwayat Muslim) | |
| | d. Membentuk<br>i) Disiplin yang tinggi | Disiplin berorganisasi<br>- Mengawasi disiplin ketua<br>- Mengawasi disiplin kakitangan/orang bawahan<br>- Mengawasi disiplin masyarakat | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | ii) Perpaduan | - Bersatu padu, tolong menolong melalui kaedah dan panduan yang benar.<br>al-Quran; Surah *ali 'Imran*, 3:103<br><br>- Bersatu padu dan tolong menolong semasa lemah dan menghajatkan sesuatu.<br>al-Quran; Surah *al-Anfal*, 8:72<br><br>- Bersatu padu dan tolong menolong dalam menyuruh membuat kebaikan dan menegah kejahatan.<br>al-Quran; Surah *al-Taubah*, 9:71<br><br>- Bersatu padu dan tolong menolong menjadikan persaudaraan yang sebenar.<br>al-Quran; Surah *al-Hujurat*, 49:10 | |
| | iii) Pengorbanan | Pengorbanan dari segi masa, tenaga dan wang kerana keluarga, organisasi, masyarakat dan negara.<br>al-Quran;<br>Surah *al-Saff*, 61:10-12<br>Surah *al-Anfal*, 8:60<br><br>al-Hadis; Maksudnya: *"Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih dikasihi Allah daripada orang mukmin yang lemah".* | |
| | iv) Mengangkat martabat ummah dan negara supaya dihormati | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:143<br>Surah *ali 'Imran*, 3:110 | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Penghayatan kepada rukun Islam akan melahirkan umat yang cemerlang dan seimbang di dunia dan akhirat.<br>al-Quran; Surah *al-Baqarah*, 2:201 | |

Tajuk : *Amar Makruf Nahi Mungkar* Sebagai Teras kepada Kemantapan dan Keutuhan Diri Serta Organisasi

Objektif : Menjadi penjawat awam yang berdisiplin dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Menjelaskan tentang kepentingan *amar makruf* dan *nahi mungkar* kepada organisasi. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| | a. Definisi *amar makruf* dan *nahi mungkar* | Menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.<br><br>Contoh positif:<br>Membina organisasi yang patuh kepada kebaikan dan kebenaran.<br><br>Contoh negatif:<br>Mengambil tindakan disiplin ke atas penjawat awam yang melanggar undang-undang. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *ali 'Imran*, 3:104<br>Surah *al-Taubah*, 9:112<br><br>al-Hadis; Maksud hadis: *"Sesiapa yang melihat kemungkaran hendaklah mencegahnya dengan kuasa, jika tiada kuasa cegahlah dengan lisan ..."*. | |
| 2. | Isi<br>a. Melahirkan penjawat awam yang beretika | - Amanah.<br>al-Quran; Surah *al-Nisa'*, 4:58<br><br>al-Hadis; Maksudnya: *"Tiada sempurna iman bagi orang yang tidak beramanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji"*.<br><br>al-Hadis; Maksudnya: "*Apabila amanah telah disia-siakan maka tunggulah kehancuran. Sahabat bertanya: Bagaimana manusia sia-siakan? Rasulullah bersabda: Apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran"*.<br><br>- Berdisiplin.<br>al-Quran; Surah *al-'Asr*, 103:1-3<br><br>- Mematuhi arahan ketua.<br>al-Quran; Surah *al-Nisa'*, 4:59 | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | b. Membantu kemantapan diri dan organisasi | - Mengimani dan menyakini keenam-enam rukun iman.<br>- Mengamalkan rukun Islam yang lima.<br>- Bersifat dan berkelakuan dengan segala sifat yang terpuji dan menjauhkan segala sifat yang keji. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Pelaksanaan *amar makruf dan nahi mungkar* mampu melahirkan penjawat awam yang bertanggungjawab terhadap organisasi. | |

Tajuk : Konsep Jihad dalam Islam

Objektif : Memberi kefahaman sebenar mengenai jihad dan kaitannya dengan organisasi.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Jihad adalah faktor pemangkin kepada kemajuan ummah dan negara. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam al-Nawawi)*<br><br>*al-Ahzab as-Siasah*<br><br>*al-Islam-Safiu al-Rahman al-Mubarak Rafuri*<br><br>*Manusia dan Islam (Dato' Dr. Haron Din)* |
| | a. Definisi jihad | - Dari segi bahasa: jihad *(al-Juhd)* bererti keberatan dan kesusahan.<br>- Kalimah jihad diistilahkan secara umum kepada setiap usaha yang memerlukan curahan daya dan tenaga kekuatan demi mencapai matlamat cita-cita mulia dan ideal serta mendapat keampunan dan keredaan Allah SWT. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Anfal*, 8:60<br>Surah *al-Baqarah*, 2:218<br>Surah *al-Furqan*, 25:52<br>Surah *al-Taubah*, 9:41<br>Surah *al-Saff*, 61:10-12<br><br>al-Hadis: Sabda Rasulullah SAW: *"Sesungguhnya jihad di jalan Allah di waktu pagi atau petang lebih baik dari dunia dan seisinya".*<br>(Riwayat al-Bukhari) | |
| 2. | Isi<br>a. Pembahagian jihad<br>i) Jihad melawan nafsu syaitan (*jihad al-akbar*) | Jihad menentang hawa nafsu was-was dari segala bentuk keraguan.<br>al-Quran;<br>Surah *Yasin*, 36:60-62<br>Surah *al-A'raf*, 7:27 | |
| | ii) Jihad lisan/ anggota | Jihad mengajak kepada kebenaran.<br>al-Quran;<br>Surah *al-Nahl*, 16:125<br>Surah *al-Ma'idah*, 5:54 | |
| | iii) Jihad dengan ilmu pelajaran | - Jihad mempelajari ilmu *Fardu Ain* dan *Fardu Kifayah* untuk memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.<br>- Jihad beramal dengan ilmu yang diperolehi.<br>- Jihad menyebarkan ilmu. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - Jihad bersabar dengan menanggung segala kesusahan dan penderitaan.<br>- al-Quran;<br>Surah *al-Taubah*, 9:122<br>Surah *al-Baqarah*, 2:159 | |
| | iv) Jihad diri dan nyawa | Jihad menentang musuh Islam dalam peperangan yang diharuskan mengikut lunas Islam dan bukannya dengan tujuan menceroboh atau menganiayai.<br>al-Quran; Surah *al-Ma'idah*, 5:32 | |
| | v) Jihad harta | Jihad menyerahkan harta yang dimiliki kerana agama dan negara.<br>al-Quran;<br>Surah *al-Taubah*, 9:41<br>Surah *al-Saff*, 61:10-11<br>Surah *Saba'*, 34:39<br>Surah *Ibrahim*, 14:7<br>Surah *al-Hujurat*, 49:15<br><br>Contoh: Saidina Abu Bakar R.A menyerahkan hartanya kepada Rasulullah SAW kerana menegakkan agama dan negara. | |
| | b. Salah faham terhadap jihad, kesan pada diri, masyarakat dan negara | - Negara Islam<br>- Isu syahid | |
| | c. Halangan-halangan kepada jihad | - Nafsu amarah<br>- Malas<br>- Tuduhan-tuduhan<br>- Menyebarkan fitnah<br>- Khabar angin yang mengelirukan | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Kefahaman yang betul dan tepat tentang jihad akan membawa kebaikan kepada individu, organisasi, masyarakat dan negara. Sebaliknya kegagalan memahaminya akan merosakkan kesejahteraan individu, masyarakat dan negara. | |

Tajuk : Konsep Syura dalam Pentadbiran

Objektif : Membudayakan perkhidmatan awam dengan *participative management* dalam membuat keputusan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Syura adalah lambang kepada semangat kerjasama dalam organisasi dan pemandu ke arah matlamat organisasi. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| | a. Definisi syura | - Dari segi bahasa syura membawa erti mesyuarat.<br>- Dari segi istilah ia membawa maksud mesyuarat yang diadakan oleh sekumpulan ulama dan ulama Islam dalam segala hal yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan mereka berdasarkan kepada keimanan dan ketakwaan. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *ali 'Imran*, 3:159<br>Surah *al-Syura*, 42:38<br><br>al-Hadis; *"Sesiapa yang hendak melakukan sesuatu urusan umat Islam hendaklah bermesyuarat nescaya Allah akan memberi taufik bagi memperelokkan urusan mereka".*<br>(Riwayat al-Tabrani) | |
| 2. | Isi<br>a. Konsep syura dalam pengurusan | Ibnu 'Atiyyah menjelaskan konsep syura diasaskan bertujuan mewujudkan konsultasi antara cerdik pandai dan ahli agama dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berhubung dengan soal pengurusan dan pentadbiran negara seluruhnya. | |
| | b. Bidang syura | Bidang syura adalah luas meliputi semua urusan kehidupan orang muslim dan manusia umumnya. Al-Quran dan al-Sunnah tidak menentukan perkara-perkara khusus membataskan bidang syura itu malah kedua-dua nas yang disebut dahulu menyebut syura secara umum atau sebagai prinsip umum. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti syura dapat meminda ketetapan hukum yang telah disyariatkan melalui wahyu dan sunnah Nabi SAW. Semua perkara yang telah disyariatkan sebagai hukum adalah terkeluar dari bidang syura. Namun begitu, pelaksanaan hukum itu dan tafsiran (jika masih perlu) boleh disyurakan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | c. Keadaan-keadaan yang tidak memerlukan syura | Keadaan di mana seseorang ketua perlu membuat keputusan segera.<br><br>Contoh: Ketika Nabi SAW memerintahkan sahabat pergi ke Khaibar untuk memerangi Yahudi. Arahan ini tidak diputuskan melalui syura kerana kepentingan yang amat mendesak. | |
| | d. Kepentingan syura | Pelaksanaan syura dalam konteks hakikat organisasi ini akan menjamin terbinanya tamadun atau peradaban berasaskan ajaran tauhid dan dengan itu membawa manusia dan organisasi ke arah mencapai *al-falah.* | |
| | e. Faedah syura | - Keputusan yang adil dan bijaksana.<br>- Mendengar pendapat yang berbeza.<br>- Memahami kehendak syariah.<br>- Kerjasama dan tanggungjawab.<br>- Keputusan bersama.<br>- Ada kekuatan.<br>- Rasa bertanggungjawab.<br>- Akauntabiliti bersama.<br><br>Saidina Ali bin Abi Talib menyebut tujuh (7) manfaat utama syura:<br>- Mengambil kesimpulan yang benar.<br>- Mencari pendapat.<br>- Menjaga kekeliruan.<br>- Menghindarkan celaan.<br>- Menciptakan keseimbangan emosi.<br>- Perpaduan hati.<br>- Mengikut teladan para sahabat. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Sebagai warga organisasi seseorang hendaklah menerima keputusan mesyuarat dan melaksanakannya. Jika cadangan itu ditolak hendaklah berlapang dada dan bersyukur kerana mungkin ada kebaikan. Sebaliknya jika cadangan itu diterima hendaklah beristighfar kerana mungkin ada kecacatan. | |

Tajuk : *Fiqh al-Aulawiyat* dalam Pendekatan Pengurusan

Objektif : Memberi kefahaman mengenai kepentingan dan keutamaan dalam pengurusan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Keperluan untuk mengenal pasti keutamaan ketika merancang dan melaksanakan tugas akan menghasilkan kerja yang efisyen. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*Fiqh al-Aulawiyat (Dr. Yusuf al-Qaradhawi)* |
| | a. Definisi *Fiqh al-Aulawiyat* | Menurut Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi: *Fiqh al-Aulawiyat* bererti meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan adil. Dengan kata lain, ia harus didasarkan kepada prinsip “mengutamakan sesuatu perkara ke atas suatu perkara yang lain”, iaitu setiap sesuatu hendaklah diletakkan pada tempatnya secara berimbangan. | |
| | b. Dalil | al-Quran; Surah *al-Rahman*, 55:7-9<br>Contoh: Sebagai penjawat awam hendaklah mengutamakan tugas hakiki jabatan ke atas tugas sampingan dan mengutamakan arahan segera daripada kerja-kerja yang boleh ditangguhkan. | |
| 2. | Isi<br>a. Bidang-bidang keutamaan | Melatih penjawat awam berfikiran secara rasional dalam bertindak secara cekap, mendahulukan urusan yang lebih penting berbanding perkara yang kurang penting. | |
| | b. Faedah pelaksanaan keutamaan | Pengurusan masa dapat mengisi waktu bekerja dengan sebaik-baiknya dan dapat mengelakkan diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. | |
| | c. Kesan tiada keutamaan | - Kemunduran masyarakat.<br>- Pembaziran masa, tenaga dan kos.<br>- Kelemahan organisasi. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Tugas dan kerja sebagai penjawat awam adalah banyak tetapi masa yang ada sangat terhad. Maka, kita perlu mengikut keutamaan. | |

Tajuk : Pemakanan Seimbang dan Kecemerlangan Diri

Objektif : Memberi kesedaran kepada penjawat awam supaya mengamalkan pemakanan seimbang.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Pemakanan seimbang dari segi gizi halal dan haram akan membentuk sahsiah seseorang. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| | a. Definisi<br>- Sudut perubatan<br>- Sudut agama | - Tabiat makan yang baik.<br>- Sumber makanan halal, baik dan berkhasiat. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Ma'idah*, 5:88<br>Surah *al-Baqarah*, 2:168<br>Surah *al-Nahl*, 16:114<br><br>al-Hadis;<br>*"Di dalam tubuh manusia itu ada seketul daging..."*<br>*"Tiap-tiap daging yang tumbuh daripada rezeki yang haram..."*<br><br>Contoh: Kisah Saidina Umar yang memuntahkan makanan yang dimakannya setelah mengetahui ia datang dari sumber yang haram. | |
| 2. | Isi<br>a. Kepentingan pemakanan seimbang dan halal | - Melahirkan manusia yang sihat dari segi jasmani dan rohani.<br>- Menjaga nikmat kesihatan adalah sebahagian dari tugas manusia. | |
| | b. Faedah pemakanan seimbang/baik | - Tubuh yang sihat akan melahirkan minda yang cerdas dan produktif.<br>- Pemakanan dan kaitannya dengan takwa.<br>- Pemakanan dan kaitannya dengan syukur. | |
| | c. Kesan pemakanan tidak seimbang/ tidak halal dengan pembentukan kecemerlangan diri dan organisasi | - Mencerminkan tabiat dan akhlak seseorang.<br>- Lemah akal.<br>- Hati jadi gelap.<br>- Tiada berkat.<br>- Tiada rahmat.<br>- Mendatangkan pelbagai jenis penyakit.<br>- Menggalakkan pembaziran.<br>- Penyelewengan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | d. Kewajipan individu dan masyarakat Islam | - Mengenal pasti sumber makanan.<br>- Halal dan baik.<br>- Memilih makanan yang tidak memudaratkan.<br>- Menjaga kebersihan makanan.<br>- Menjauhi makanan syubhah. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Pemakanan yang baik akan melahirkan generasi yang sihat jasmani dan rohani. | |

Tajuk : Kepentingan Nilai dan Etika dalam Organisasi

Objektif : Mewujudkan pengurusan berasaskan nilai dan etika.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan<br><br>a. Apa itu nilai dan etika?<br><br>b. Dalil | Nilai dan etika sangat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi.<br><br>Nilai:<br>Sifat ketinggian dalam pemikiran agama, kemasyarakatan dan lain-lain.<br><br>Etika:<br>Ilmu berkenaan dengan dasar-dasar akhlak atau tingkah laku bagi sesuatu kumpulan, persatuan, pekerjaan dan lain-lain.<br><br>al-Quran; Surah *al-Qalam*, 68:4<br><br>al-Hadis;<br>*“Mahukah kamu sekalian aku beritahu orang yang paling miskin di antara kamu dan paling dekat kedudukannya dengan aku di hari kiamat? Baginda mengulangi soalan itu dua atau tiga kali. Maka jawab mereka: Ya, wahai Muhammad. Maka kata baginda iaitu orang yang terbaik budi pekertinya dari kamu sekalian”.* | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| 2. | Isi<br>a. Apa kaitan nilai dan etika dengan kecemerlangan organisasi?<br><br>b. Bagaimana nilai dan etika membantu membangunkan organisasi? | - Menentukan arah dan matlamat.<br>- Memberi makna kepada pemikiran dan tindakan tingkah laku penjawat awam.<br>- Standard perkhidmatan berkesan.<br><br>- Merubah akhlak buruk kepada baik.<br>- Sikap negatif kepada positif.<br>- Lemah kepada kuat dan cemerlang. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | c. Pembahagian nilai | i. Nilai utama<br>- Amanah<br>- Bertanggungjawab<br>- Ikhlas<br>- Berdedikasi<br>- Berdisiplin<br>- Bekerjasama<br>- Bersih<br>- Tekun<br>- Sederhana<br><br>ii. Nilai sokongan<br>- Berilmu<br>- Kreativiti<br>- Inovasi<br>- Integrasi<br>- Kejujuran<br>- Intelektual<br>- Akauntabiliti<br>- Berkecuali<br>- Produktiviti<br>- Kualiti | |
| | d. Kesan tiada nilai dan etika kepada organisasi | - Kemuliaan tidak terjamin.<br>- Berlaku kerosakan dan kehancuran.<br>- Kerja tidak berkesan.<br>- Produk tidak berkualiti.<br>- Organisasi tidak berfungsi. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | - Bekerja dengan mengabdikan diri kepada Allah SWT.<br>- Bekerja dengan ikhlas dan amanah.<br>- Bekerja dengan semangat gotong-royong.<br>- Bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejagat. | |

Tajuk : Kualiti: Tuntutan dan Pencapaiannya Menurut Islam

Objektif : Memberi kefahaman untuk melahirkan pekerja yang berkualiti.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Islam dilihat sebagai tatacara hidup yang lengkap (syumul). Ia bukan sekadar amalan spiritual semata-mata seperti yang difahami oleh sebahagian masyarakat tetapi merangkumi segala aspek kehidupan manusia dan kejadian manusia yang paling sempurna kejadiannya berbanding dengan makhluk Allah SWT yang lain. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Pengertian kualiti | Kualiti sebagai suatu proses pengurusan terbaik yang berterusan dalam semua aspek dan diiktiraf oleh pelanggan sejajar dengan tuntutan Islam.<br><br>- Menurut Mac Millan's di dalam bukunya *Dictionary A.E.,* kualiti dari segi bahasa bererti mutu, tokoh.<br>- Kepuasan hati pelanggan.<br>- Keadaan yang paling baik, unggul menepati kehendak yang ditetapkan memberi kepuasan kepada semua pihak. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Tin*, 95:4<br>Surah *al-Anfal*, 8:66<br>Surah *al-Bayyinah*, 98:8<br>Surah *al-Mujadalah*, 58:22 | |
| 2. | Isi<br>a. Tujuan kualiti | - Memberi pembangunan seimbang di antara fizikal dan spiritual.<br>- Mengecapi keselesaan hidup di dunia dan akhirat. | |
| | b. Pembahagian kualiti<br>i) Kualiti dalam kepimpinan | - Mengenal pengikut.<br>- Keupayaan membuat keputusan.<br>- Teladan yang baik.<br>- Kemampuan mentarbiah ahli-ahli.<br>- Keupayaan merumus dan menyampaikan arah tuju organisasi dan masyarakat.<br>- Kepimpinan proaktif.<br>- Keupayaan berkomunikasi. | |
| | ii) Kualiti dalam pengurusan | - Perancangan berkualiti dari segi masa, disiplin dan maklumat.<br>- Pelaksanaan berkualiti.<br>- Pengawalan berkualiti. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | iii) Kualiti dalam ibadah | - Melaksanakan ibadah dengan penuh ikhlas dan khusyuk kepada Allah.<br>al-Quran; Surah *al-Bayyinah*, 98:5 | |
| | c. Konsep kualiti<br>- Amalan pengurusan<br>- Peningkatan kualiti<br>- Produktif | - Kepuasan pelanggan, diri dan Allah SWT.<br>- Memberi manfaat.<br>- Tidak mudarat.<br>- Reda meredai.<br>- Beroleh pahala. | |
| | d. Ciri-ciri kualiti menurut Islam | - Perancangan terbaik.<br>- Menepati masa.<br>- Tidak membazir.<br>- Memenuhi keperluan dan mencapai standard.<br>- Meminimakan kecacatan.<br>- Seimbang.<br>- Amanah.<br>- Kebahagiaan dan kesejahteraan manusia sejagat. | |
| | e. Kepentingan kualiti | - Menjamin hasil yang terbaik.<br>- Mencapai matlamat jabatan.<br>- Meningkatkan daya pengeluaran dan imej organisasi.<br>- Mengubah sikap individu dan masyarakat untuk bekerja dan berfikir.<br>- Mewujudkan suasana harmoni. | |
| | f. Faktor-faktor yang boleh membentuk penjawat awam berkualiti | - Niat.<br>- Ilmu.<br>- Kemahiran.<br>- Ketekunan.<br>- Berdaya tahan. | |
| | g. Kesan kualiti dalam pengurusan | - Tiada pembaziran.<br>- Memberi kebaikan kepada orang lain. | |
| | h. Pencapaian kualiti | - Perkhidmatan awam di Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Melakukan sesuatu tindakan atau tugas dengan berkualiti adalah sangat dituntut oleh Islam bermula daripada mengurus individu, masyarakat, organisasi sehinggalah ke peringkat negara. | |

Tajuk : Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara

Objektif : Untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab berteraskan Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Setiap manusia mempunyai tanggungjawab termasuklah golongan wanita. Islam meletakkan status wanita di tempat yang mulia. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Dalil | al-Quran; Surah *al-Nisa'*, 4:32<br><br>Contoh:<br>- Siti Khadijah ahli perniagaan.<br>- Siti Aishah tokoh ilmuan. | |
| 2. | Isi<br>a. Kepentingan peranan | - Pemangkin kepada pembangunan negara.<br>- Mengukuhkan perpaduan dan kemantapan ummah.<br>- Melahirkan generasi yang kuat.<br>- Memupuk kasih sayang. | |
| | b. Garis panduan peranan wanita | - Peranan dalam rumah tangga.<br>- Peranan dalam masyarakat.<br>- Peranan dalam organisasi.<br>- Peranan dalam negara. | |
| | c. Isu-isu wanita | - Wanita dieksploitasikan.<br>- Hak wanita menurut Islam.<br>- Kewajipan wanita. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Wanita harus berperanan dalam membangunkan negara. Akan tetapi perlu mengambil berat tentang landasan agama. | |

Tajuk : Islam Menurut Perlembagaan

Objektif : Meningkatkan kefahaman konsep dan falsafah Islam menurut Perlembagaan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Islam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sistem pentadbiran dan perundangan di Malaysia. Ia merupakan teras kepada pembentukan jati diri kebangsaan yang berpaksikan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. | *Perlembagaan Persekutuan*<br><br>*Undang-undang Islam Di Malaysia: Ke Arah Pembentukan Jati Diri Kebangsaan. (Zainul Rijal Abu Bakar, Penerbit UKM, 2010)*<br><br>*Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari (Mohd Yusof Hj. Othman, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010)*<br><br>*Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia (Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim)* |
| | a. Dalil | al-Quran; Surah *al-Isra'*, 17:9 | |
| 2. | Isi<br>a. Sejarah perundangan Islam di Malaysia | - Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu.<br>- Sejarah Kesultanan Melayu Melaka.<br>- Ketetapan Islam sebagai agama bagi Persekutuan di dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah satu kebetulan yang dilakukan secara tidak sengaja oleh mereka yang merundingkan Kontrak Sosial lebih 50 tahun yang lampau. Ia adalah pernyataan tegas oleh semua yang telah berperanan merundingkan proses kemerdekaan. Ia adalah rumusan yang telah mengambil kira latar belakang sejarah, dinamika budaya tempatan, ciri-ciri ketamadunan dan ketatanegaraan di Persekutuan Tanah Melayu. Ketetapan ini tidak pernah menolak keperluan mana-mana anggota masyarakat yang lain untuk menghayati mana-mana agama yang menjadi anutannya.<br>- Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan ini merupakan salah satu dari tujuh ciri-ciri asas Perlembagaan Negara. | |
| | b. Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan | Di antara peruntukan penting berkaitan dengan kedudukan Islam ialah:<br>i. Perkara 3:<br>Perisytiharan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan)<br><br>ii. Perkara 11:<br>Hak kebebasan beragama<br><br>iii. Perkara 12 (2):<br>Kebenaran menggunakan wang awam untuk tujuan-tujuan Islam | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
| --- | --- | --- | --- |
| | | iv. Perkara 121 (1A):<br>Kedudukan Mahkamah Syariah di dalam sistem perundangan<br><br>v. Perkara 150 (6A):<br>Pengecualian undang-undang Islam daripada undang-undang darurat<br><br>vi. Jadual Ke-9 Senarai II, Senarai Negeri:<br>Penetapan Hal Ehwal Islam sebagai sesuatu yang terletak di dalam bidang kuasa negeri. | |
| | c. Kesan daripada peruntukan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan | Kesan daripada peruntukan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan antaranya:<br>i. Perkara 160 memberi definisi ‘Melayu’ sebagai seorang beragama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Menurut Tun Salleh Abas ‘Melayu’ dan ‘Islam’ adalah unsur yang bercantum dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan.<br><br>ii. Yang di-Pertuan Agong dilantik daripada kalangan Raja-Raja di negeri-negeri Melayu dan di dalam setiap Perlembagaan Negeri menghendaki Rajanya seorang berbangsa Melayu beragama Islam dan dari keturunan diraja.<br><br>iii. Jadual Ke-4 Perlembagaan Persekutuan. Di dalam sumpah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, beliau mengangkat sumpah dengan didahului lafaz *‘Wallahi, wabillahi, watallahi’* dan dengannya Yang di-Pertuan Agong bersumpah dengan lafaz antara lain, *“Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa ugama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri”* yang merupakan lafaz sumpah yang dikehendaki dalam agama Islam.<br><br>iv. Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Perkara 3 (3) adalah Ketua agama Islam di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai Raja. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | v. Raja dan Sultan di negeri-negeri yang beraja ialah Ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Dalam menjalankan tugas sebagai Ketua agama Islam, mereka mempunyai budi bicara dan tidak terikat dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO).<br><br>vi. Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi hak istimewa orang-orang Melayu seperti yang termaktub di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Orang Melayu mengikut Perlembagaan mestilah Islam tetapi orang Islam tidak semestinya Melayu.<br><br>vii. Malaysia telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi, penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan kepercayaan, bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan yang kukuh antara kaum dan ini telah dibuktikan dengan keamanan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia selama ini. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Peruntukan berkenaan Islam yang sedia ada di dalam Perlembagaan adalah satu peluang bagi para pembuat dasar, pengamal undang-undang dan pentafsir undang-undang menegakkan fungsi sebenar Islam dalam seluruh aspek kehidupan sejajar dengan semangat dan sifat Islam itu sendiri. Usaha bersungguh-sungguh dari semua pihak perlu digembleng bagi merealisasikan hasrat besar ini. Kesilapan dan kealpaan akan memberi ruang kepada mereka yang jahil atau anti-Islam menggunakan aspek undang-undang dan Perlembagaan bagi menidakkan fungsi Islam dalam Perlembagaan dan seterusnya meruntuhkan Islam dari asasnya lagi. Dengan cara ini al-Quran dapat diamalkan dalam aspek undang-undang negara. | |

Tajuk : Hak Asasi Manusia Menurut Islam

Objektif : Meningkatkan kefahaman konsep hak asasi menurut perspektif Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Hak asasi manusia sering dibincangkan di peringkat antarabangsa, malah menjadi salah satu agenda penting yang dibahaskan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 [Universal Declaration of Human Rights (UDHR)]*<br><br>*The Cairo Declaration of Human Rights in Islam (CDHRI)*<br><br>*Prinsip-prinsip Panduan Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan*<br><br>*Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]* |
| 2. | Isi<br>a. Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 [*Universal Declaration of Human Rights (UDHR)*] | - Universal Declaration of Human Rights (UDHR) adalah suatu dokumen yang menerangkan maksud hak-hak asasi dan kebebasan yang dimiliki oleh setiap manusia sejak lahir. Perisytiharan yang mempunyai 30 artikel itu mempromosikan rasa hormat kepada pelbagai hak-hak asasi manusia daripada hak sivil dan politik sehinggalah kepada hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. UDHR telah diisytiharkan pada 10 Disember 1948 oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).<br><br>- Hasil daripada UDHR telah terbentuk beberapa triti antarabangsa hak asasi manusia dalam bidang tertentu bagi memperincikan kandungan UDHR seperti:<br>• International Covenant on Sivil and Political Rights (ICCPR)<br>• International Covenant on Economic, Social and Culturul Right (ICESCR)<br>• Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (UNCAT)<br>• Convention on The Right of The Child (CRC)<br>• Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW). | |
| | b. Cairo Declaration on Human Rights in Islam (CDHRI) | - Pertubuhan Kerjasama Negara-Negara Islam (OIC) telah mengeluarkan deklarasi hak asasi manusia yang dikenali dengan Cairo Declaration on Human Rights in Islam (CDHRI) yang telah diluluskan dalam Persidangan ke-19 Menteri-Menteri Luar Negara di Kaherah pada 5 Ogos 1990 sebagai komitmen negara-negara OIC terhadap hak asasi manusia yang selaras dengan kehendak Islam. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - CDHRI meletakkan bahawa hak asasi mestilah mengambil kira kerangka Islam atau perundangan Islam dan tidak tertumpu kepada teori hak asasi antarabangsa semata-mata. Amalan, kepercayaan dan pegangan yang bersifat diskriminasi dan tidak adil perlu dihapuskan dengan syarat ia sejajar dengan kehendak Islam. | |
| | c. Kedudukan hak asasi manusia dalam Islam | - Hak asasi manusia termasuklah hak dan tanggungjawab pemilikan harta, perkongsian, keinginan, keadilan, ketepatan, kesesuaian, kebenaran, kuasa, pendakwaan, kehakiman, kebebasan, pilihan dan keistimewaan.<br><br>- Kemuliaan manusia di sisi Islam dikaitkan dengan ketakwaan seseorang.<br>al-Quran; Surah *al-Hujurat,* 49:13<br><br>- Islam tidak menghalang umatnya untuk menikmati hak asasi manusia tetapi hak tersebut haruslah dilaksanakan berlandaskan kepada syariat Islam dan dalam ruang lingkup pengabdian diri kepada Allah SWT.<br><br>- Allah SWT telah menyatakan tentang kemuliaan umat manusia dan melambangkan betapa tingginya martabat manusia.<br><br>- Berbeza dengan Barat yang menganggap kedaulatan manusia adalah yang paling tinggi sedangkan penghormatan Islam kepada manusia bertitik tolak kepada pengabdian dan ketaatan.<br>al-Quran; Surah *al-Isra'*, 17:70<br><br>- Islam menganggap hak asasi manusia adalah anugerah Allah SWT yang berhubung kait dengan panduan hukum syarak.<br><br>- Islam mendahului perjuangan hak asasi manusia, penghormatan dan perlindungan kepada maruah diri manusia.<br><br>- Piagam Madinah yang mengandungi 47 fasal dengan jelas menyatakan tentang hak asasi manusia. Fasal 1 hingga 23 menyatakan tentang hak orang Islam sesama Islam, manakala fasal 24 hingga 47 menyatakan hak bukan Islam yang berada di bawah pemerintahan Islam. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - Khutbah Jumaat terakhir Nabi menyatakan hak asasi manusia, iaitu *"Dasar kamu, maruah kamu dan harta kamu adalah terhormat dan dilindungi"*.<br><br>- Sistem hak asasi manusia dalam Islam mengandungi hak politik, sivil, ekonomi, sosial dan budaya. Islam juga memberi hak kepada golongan yang lemah seperti golongan miskin, orang kurang upaya dan minoriti tanpa mengira usia, jantina, warna kulit, keturunan dan agama. | |
| | d. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) | - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] dan mula dibentuk pada tahun 2000. SUHAKAM ditubuhkan dengan matlamat untuk mempromosikan hak asasi manusia, menasihati kerajaan dalam isu hak asasi manusia, mencadangkan kepada kerajaan untuk meratifikasi instrumen-instrumen hak asasi serta membuat penyiasatan terhadap aduan berkenaan pelanggaran hak asas. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Salah satu cabaran besar yang dihadapi oleh orang Islam ialah berhadapan dengan perjuangan hak asasi manusia Barat yang sebahagiannya tidak menepati falsafah Islam mengenai hak asasi. Oleh itu, adalah menjadi cabaran kepada orang Islam untuk memberikan penjelasan kepada masyarakat Barat mengenai falsafah hak asasi Islam agar persepsi buruk bahawa Islam tidak menghormati hak asasi manusia akan dapat dihapuskan. | |

Tajuk : Pengurusan Harta

Objektif : Meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai pengurusan harta pusaka, hibah, wasiat, wakaf, sedekah, faraid, zakat dan lain-lain.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Islam meletakkan harta sebagai salah satu keperluan asasi di dalam kehidupan manusia. Bagi memenuhi tuntutan tersebut, Islam telah menyediakan beberapa sistem yang dapat merealisasikan kenyataan itu dengan baik dan berkesan. Antaranya ialah sistem pengurusan dan pentadbiran harta. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Menurut Imam al-Syafie:<br>Sesuatu yang berharga dan hendaklah diganti atau dibayar ganti rugi sekiranya berlaku kerosakan atau kemusnahan terhadapnya. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:29<br>Surah *al-Baqarah*, 2:189<br>Surah *al-Baqarah*, 2:284<br>Surah *ali 'Imran*, 3:14<br>Surah *al-Taghabun*, 64:15<br>Surah *al-A'raf*, 7:128 | |
| 2. | Isi<br>a. Ciri-ciri harta dalam Islam | - Mestilah sesuatu yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan.<br>- Mestilah sesuatu yang boleh dikuasai pada masa hadapan.<br>- Sesuatu yang tidak boleh dikuasai meskipun kita mendapat manfaat daripadanya tidak dianggap harta seperti cahaya bulan, matahari, udara.<br>- Sesuatu yang tidak cukup dimanfaatkan walaupun kita mampu menguasainya tidak termasuk harta. Contohnya sebutir beras, setitik air.<br>- Sesuatu yang bercanggah atau ditegah oleh hukum syarak untuk dimanfaatkan tidak boleh dianggap sebagai harta seperti arak, darah atau hasil perolehan dari sumber yang haram seperti mencuri, riba, rasuah dan menipu. | |
| | b. Konsep harta | - Harta adalah milik Allah SWT. Semua harta yang ada di muka bumi adalah milik mutlak Allah SWT. Tidak ada sesuatu pun yang menjadi milik manusia secara mutlak. Diri, anak-anak serta harta adalah pinjaman daripada Allah SWT kepada manusia. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - Manusia hanya pemegang amanah. Mereka tidak boleh menganggu hak milik orang lain. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa yang diperolehi dan dibelanjakan. Manusia mesti menggunakan harta dengan sebaik mungkin dan mesti mengikut peraturan yang telah dijelaskan oleh syarak. Manusia bertanggungjawab menggunakan harta ke jalan Allah SWT.<br><br>- Harta yang disediakan oleh Allah SWT adalah banyak dan cukup untuk manusia. Jika berlaku ketidakcukupan, itu adalah kerana sifat manusia sendiri sama ada mereka zalim, malas, kufur, tiada ilmu atau lain-lain alasan. Manusia dikehendaki menggunakan harta dengan sebaik mungkin dan tidak melakukan kerosakan di muka bumi. Peringatan daripada Allah SWT bahawa berlakunya kerosakan di muka bumi akibat daripada tangan manusia itu sendiri.<br><br>- Harta yang diberikan kepada manusia tidak sama antara satu dengan yang lain. Tujuannya adalah untuk menguji keimanan supaya lebih kuat berusaha. Mengakui inilah realiti kehidupan, manusia saling memerlukan antara satu sama lain. Bantu-membantu dan tolong-menolong adalah menjadi kewajipan. | |
| | c. Cara/Kaedah memperoleh harta | - Melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi atau dengan usaha sendiri seperti bekerja sendiri.<br>- Melalui pensyariatan seperti pusaka, nafkah, wasiat, agihan zakat, pembahagian harta rampasan perang.<br>- Kontrak pemindahan seperti jual beli, hutang piutang, mas kahwin, pemberian.<br>- Bantuan orang lain sama ada individu, masyarakat, kerajaan seperti Baitulmal. | |
| | d. Larangan dalam mencari dan menggunakan harta | - Larangan daripada melakukan pembaziran.<br>- Larangan menimbunkan harta tanpa dilabur atau diusahakan.<br>- Tidak boleh memakan dan menghasilkan harta dengan jalan yang salah.<br>- Larangan mengusahakan harta yang membahayakan peribadi, umum atau kemuliaan masyarakat.<br>- Larangan terlibat dalam riba, rasuah, penipuan, penyelewengan dan lain-lain. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | e. Tanggungjawab terhadap harta | - Wasiat ialah harta yang telah dipesan oleh si mati kepada seseorang sebelum meninggal dunia.<br>- Wakaf ialah sumbangan seseorang dari harta yang kekal zatnya seperti tanah dan bangunan.<br>- Sedekah ialah sumbangan ikhlas seseorang untuk digunakan dan dimakan.<br>- Hibah ialah pemberian semasa hidup.<br>- Sumbangan adalah cenderahati, hadiah. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Segala yang ada di alam semesta ini termasuk yang dipunyai oleh manusia iaitu segala harta benda yang bermacam-macam jenis semuanya adalah hak milik mutlak Allah SWT dan bukannya kepunyaan manusia. Allah SWT telah menggariskan panduan dan tatacara yang jelas, baik dari segi mendapatkan dan membelanjakan harta. Semuanya adalah bagi memastikan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. | |

Tajuk : Pengurusan Kewangan Islam

Objektif : Memberi kefahaman kepada penjawat awam mengenai pengurusan kewangan Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Manusia diciptakan oleh Allah SWT untuk mentadbir dan menguruskan kehidupan mereka di dunia. Perancangan dan pengurusan kewangan adalah salah satu elemen di dalam kuasa pentadbir yang dirangkumkan bersama sifat khalifah. Pengurusan kewangan amat penting bagi pembentukan kehidupan setiap individu, pembangunan masyarakat malah sehingga kepada pembinaan negara maju dan berjaya.<br><br>Al-Quran dan al-hadis menggariskan sistem pengurusan Islam yang berkesan dan mengelak daripada melakukan riba serta perkara-perkara lain yang dilarang. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin* |
| | a. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:275-279<br>Surah *al-Isra'*, 17:29 | |
| 2. | Isi<br>a. Strategi kewangan yang dituntut dalam Islam | Strategi:<br>- Mencari rezeki atau pendapatan yang halal dengan menggunakan cara yang diharuskan oleh syarak dan elakkan riba.<br>- Mengawal aliran wang dan elakkan pembaziran.<br>- Mengamalkan prinsip berhemat dan bersederhana dalam berbelanja.<br>- Berbelanja mengikut kemampuan.<br>- Membuat pelaburan tanpa berhutang.<br>- Menunaikan zakat dan bersedekah (infak).<br>- Melengkapkan ilmu pengurusan kewangan. | |
| | b. Kelebihan pengurusan kewangan Islam | Kelebihan pengurusan kewangan Islam antaranya:<br>- Mendapat keberkatan Allah SWT.<br>- Menstabilkan ekonomi negara.<br>- Menyelamatkan diri dari bebanan hutang.<br>- Membawa kebahagiaan dan meningkatkan keharmonian keluarga.<br>al-Quran; Surah *al-A'raf*, 7:96 | |
| 3. | Soal jawab | | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 4. | Kesimpulan | Seluruh masyarakat hendaklah sentiasa bersedia dan berwaspada dalam menguruskan kewangan. Kesenangan bukan hanya untuk dunia, malah kesenangan itu yang akan membawa cahaya di akhirat. Berusahalah mengikut acuan Islam demi mencapai reda Allah SWT. | |

Tajuk : Halal dan Kepenggunaan

Objektif : Memberi kefahaman kepada penjawat awam mengenai halal dan kepenggunaan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan<br><br>a. Definisi | <br><br>Pengertian halal:<br>Halal berasal daripada kalimah Arab iaitu halla, yahillu, hillan, wahalalan yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah,* 2:172<br>Surah *al-Ma'idah,* 5:87<br><br>al-Hadis;<br>*"Yang halal itu ialah sesuatu yang dihalalkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya dan yang haram itu sesuatu yang diharamkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya. Dan mana-mana yang didiamkan-Nya sahaja, maka ianya termasuk apa yang dimaafkan buat kamu."*<br>(Hadis Riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Majah) | *Akta Perihal Dagangan (APD) 2011*<br><br>*Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011*<br><br>*Akta Makanan 1983* |
| | c. Takrif halal | Takrif halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) (Pindaan) 2012 adalah seperti berikut:<br><br>i. Apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu:<br><br>a. Bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa;<br>b. Tidak mengandungi apa-apa benda yang bernajis mengikut hukum syarak dan fatwa;<br>c. Tidak memabukkan mengikut hukum syarak dan fatwa; | *MS 1500:2009 Makanan Halal:*<br><br>*Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan– Garis Panduan Umum*<br><br>*Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) Semakan Ketiga 2014*<br><br>*Fiqh Halal Malaysia, Dr. Lokman Ab. Rahman, JAKIM 2019* |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | d. Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak dan fatwa;<br>e. Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;<br>f. Tidak disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak dan fatwa; dan<br>g. Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi sub-sub perenggan (a) dan (b).<br><br>ii. Apabila perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu dijalankan mengikut hukum syarak. | |
| 2. | Isi<br>a. Konsep halal | <br>Konsep halal:<br>Makanan tersebut mestilah produk (bahan mentah) yang halal, diperolehi secara halal (sumber) dan mematuhi peraturan (proses) halal menurut hukum syarak dan memenuhi MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum. | |
| | b. Konsep *Halalan Toyyiba* | Konsep *Halalan Toyyiba*:<br>Produk *(raw material)* yang halal, bahan tambahan/aditif makanan bersumberkan bahan yang halal, proses pengendalian/penyediaan bersih (bukan najis) dari sudut hukum syarak dan tidak beracun atau membahayakan kesihatan pengguna. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | c. Skim Pensijilan Halal Malaysia | Skim Pensijilan Halal Malaysia terbahagi kepada:<br>i) Produk Makanan/Minuman/Makanan Supleman<br>ii) Premis Makanan/Hotel<br>iii) Barang Gunaan<br>iv) Kosmetik dan Dandanan Diri<br>v) Rumah Sembelih<br>vi) Farmaseutikal<br>vii) Logistik<br>viii) Pengilangan<br>ix) Kontrak/*Original Equipment Manufacturer* (OEM)<br>x) Peranti Perubatan<br>xi) Dapur Berpusat | |
| | d. Penggunaan Logo | - Setiap label pembungkusan hendaklah dicetak dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan.<br>- Label pembungkusan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat mengikut peraturan, akta dan standard berkaitan. | |
| | e. Hikmah Halalan Thoyyiba | - Doa dimakbulkan Allah.<br>- Selamat daripada api neraka.<br>- Ibadah diterima.<br>- Membezakan orang yang beriman dengan tidak beriman.<br>- Membentuk akhlak yang mulia.<br>- Melahirkan anak-anak yang soleh.<br>- Menghindari pelbagai penyakit.<br>- Penyucian diri. | |
| | f. Keperluan kepada sijil halal | - Banyak sumber bekalan yang diperlukan oleh masyarakat dan industri adalah tidak jelas.<br>- Sumber keperluan pengeluaran banyak dimiliki oleh orang bukan Islam.<br>- Sukar memahami istilah dan kod-kod yang digunakan.<br>- Sijil halal menjadi satu kayu ukur berteraskan syariah. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | g. Isu-isu kepenggunaan | - Sikap dan kesedaran masyarakat.<br>- Hak dan peranan pengguna dalam memastikan integriti halal dipatuhi.<br>- Cabaran undang-undang dan penguatkuasaan halal.<br>- Penyalahgunaan logo dan sijil halal.<br>- Perkomersialan halal sebagai sumber ekonomi negara.<br>- Teknik membeli produk halal dalam dan luar negara. | |
| | h. Badan Pensijilan Halal Luar Negara dan logo | Semua pengguna Islam perlu mengetahui Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM di seluruh negara. Ini dapat mengelakkan pengguna merasa ragu-ragu untuk membeli barangan atau memasuki premis-premis tertentu ketika berada di luar negara. Pengetahuan mengenai logo-logo Badan Pensijilan Halal Luar Negara berkenaan juga penting agar pengguna tidak keliru. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Pengetahuan dan kefahaman mengenai halal dan kepenggunaannya dalam masyarakat amat penting kerana halal dan haram mempunyai kaitan dengan kepentingan hidup manusia dunia dan akhirat. | |

Tajuk : Aplikasi Maqasid Syariah dalam Perkhidmatan Awam

Objektif : Memberi kefahaman kepada penjawat awam bahawa syariat mempunyai objektif tertentu dalam penentuan sesuatu hukum.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Syariat Islam diperundangkan oleh Allah SWT bagi memenuhi *maslahah* seluruh manusia di dunia dan akhirat. Allah SWT telah menjadikan syariat Nabi Muḥammad SAW sebagai penutup kepada segala syariat yang sebelumnya. Ia adalah syariat bagi sekalian umat manusia di setiap tempat dan di sepanjang zaman. Ia mengambil kira kemaslahatan manusia sama ada *maslahah* jangka pendek atau *maslahah* jangka panjang serta bersifat rahmat kepada sekalian alam. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin* |
| | a. Maksud Maqasid Syariah | Maqasid Syariah bermaksud objektif pensyariatan.<br><br>Menurut al-Fasi, Maqasid Syariah ialah tujuan-tujuan syariah serta rahsia-rahsianya yang ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.<br><br>Menurut al-Raysuni, Maqasid Syariah iaitu tujuan yang ditetapkan syarak bagi merealisasikan kemaslahatan manusia. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Anbiya'*, 21:16<br>Surah *al-Anbiya'*, 21:21 | |
| 2. | Isi<br>a. Tujuan Maqasid Syariah | Tujuan Maqasid Syariah merangkumi lima (5) perkara iaitu:<br>i. Menjaga agama<br>ii. Menjaga nyawa<br>iii. Menjaga akal<br>iv. Menjaga keturunan<br>v. Menjaga harta | |
| | b. Kepentingan Maqasid Syariah dalam urus tadbir | Kepentingan Maqasid Syariah dalam urus tadbir:<br>i. Mempunyai peluang ijtihad pemerintah setelah merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam urusan pentadbiran sejajar dengan kemaslahatan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | ii. Para pentadbir akan sentiasa berpandangan jauh dalam menimbang antara tahap kemaslahatan dan kemudaratan.<br>iii. Elemen Maqasid Syariah bersifat sempurna dan sejagat dalam mencapai kebaikan dan mengelakkan kemudaratan. | |
| | c. Aplikasi Maqasid Syariah dalam pentadbiran | Para pentadbir perlu mengaplikasikan corak pemikiran berasaskan Maqasid Syariah melalui tiga (3) kaedah utama iaitu:<br>i. Penentuan objektif dalam perancangan dan pengurusan strategik kementerian atau jabatan.<br>ii. Pemeliharaan lima (5) elemen *maslahah* dalam pelaksanaan.<br>iii. Mempertimbangkan *maslahah* dalam proses membuat keputusan. | |
| | d. Contoh aplikasi | i. Pemeliharaan agama<br>- Menunaikan rukun Islam dan rukun iman.<br>- Menerapkan unsur agama dalam pentadbiran, meningkatkan kemudahan ibadah dan mengekang unsur-unsur atau ajaran yang menyalahi akidah.<br><br>ii. Pemeliharaan nyawa<br>- Memperkasa perkhidmatan fasiliti kesihatan, polisi dan keselamatan.<br>- Menjaga kebersihan alam sekitar dan kesihatan awam.<br>- Meningkatkan tahap keselamatan awam dan pertahanan negara.<br><br>iii. Pemeliharaan akal<br>- Memastikan pendidikan sempurna kepada rakyat sama ada pendidikan sekolah mahupun pendidikan sepanjang hayat.<br>- Mengekang unsur-unsur yang boleh merosakkan akal seperti dadah, alkohol dan seumpamanya.<br>- Membangunkan budaya ilmu.<br><br>iv. Pemeliharaan keturunan<br>- Memelihara hubungan kekeluargaan dan nasab keturunan.<br>- Memperkasa sistem keluarga dan sokongan sosial.<br>- Membantu golongan memerlukan seperti ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) serta golongan yang memerlukan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | v. Pemuliharaan harta<br>- Menjana pendapatan negara, sistem percukaian, harta wakaf, zakat dan perdagangan antarabangsa untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.<br>- Memelihara khazanah negara.<br>- Meningkatkan kebajikan dan keselamatan harta awam. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Nilai-nilai yang ada dalam Maqasid Syariah adalah bertepatan dengan fitrah manusia yang mahukan kebaikan dan mengelak daripada keburukan. Elemen yang terkandung dalam Maqasid Syariah iaitu memperoleh kebaikan dan mengelakkan kemudaratan akan menatijahkan kesejahteraan, keamanan dan keharmonian dalam negara. Pengamalan nilai-nilai Maqasid Syariah dalam pentadbiran akan menyerlahkan bahawa Islam adalah agama rahmat. | |

## AKHLAK

Tajuk : Amanah

Objektif : Untuk memastikan penjawat awam dapat melaksanakan tugas tanpa mengutamakan kepentingan diri sendiri.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Amanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan. Manusia tidak boleh melepaskan dirinya daripada menunaikan amanah yang telah dibebankan kepadanya oleh kehendak-kehendak kehidupan. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Setiap yang wajib dipelihara dan ditunaikan manusia dan Islam kepada ahlinya. | *al-Hadis* |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-A'raf,* 7:85<br>Surah *al-Nisa',* 4:58<br><br>al-Hadis;<br>*"Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak beramanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menunaikan janji".*<br>(Riwayat Ahmad)<br><br>Contoh:<br>- Kisah Khalifah Umar bin Abdul Aziz (Harta Baitulmal)<br>- Kisah di zaman Saidina Umar al-Khattab (Pemerah susu, pengembala kambing) | |
| 2. | Isi<br>a. Pembahagian Amanah | - Amanah kepada Allah SWT dalam melaksanakan ibadat.<br>- Amanah sebagai penjawat awam dalam melaksanakan tugas dengan jujur.<br>- Amanah sebagai pemimpin dalam melaksanakan tugas sebagai pemerintah.<br><br>al-Hadis;<br>*"Pemimpin itu adalah pemerintah dan bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya".* (Riwayat Muslim) | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | b. Amalan beramanah | - Amanah sebagai rakyat mengikut pemerintah.<br>- Amanah kepada keluarga dalam memelihara anak dan isteri.<br>- Amanah kepada sesama saudara seperti memelihara rahsia. | |
| | c. Peranan amanah dalam kehidupan | - Kesedaran.<br>- Menyiapkan tugas yang diamanahkan.<br>- Amanah membawa rezeki.<br>- Kebahagiaan dalam keluarga.<br>- Percaya dan mempercayai. | |
| | d. Kepentingan nilai amanah dalam organisasi | - Menggunakan masa di pejabat dengan sebaiknya.<br>- Membelanjakan harta awam mengikut peraturan yang ditetapkan.<br>- Tidak melakukan penipuan, penyelewengan dan rasuah.<br>- Menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan. | |
| | e. Akibat tidak amanah | - Melakukan penipuan dan penyelewengan.<br>- Menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.<br>- Cuai dalam menjalankan tugas.<br>- Menggunakan waktu pejabat untuk membuat kerja persendirian. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Setiap orang hendaklah melaksanakan tanggungjawab dalam menunaikan amanah kerana amanah itu adalah wahyu Allah SWT. | |

Tajuk : Benar

Objektif : Menyedarkan penjawat awam agar berperibadi benar dalam setiap gerak laku.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Benar adalah suatu sifat yang dikehendaki Islam. Sifat benar itu akan melahirkan seseorang yang mempunyai sifat ikhlas dan bertakwa. Tiap-tiap perbuatan manusia tidak diterima Allah SWT kecuali apabila dilakukan dengan benar dan ikhlas. Oleh itu, benar adalah kunci untuk melakukan semua amalan yang diredai Allah SWT. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*Panduan al-Qur'an dan Hadith bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam (JAKIM)*<br><br>*Mau'izotul Lilmukmin*<br><br>*Ihya' Ulumuddin (Imam al-Ghazali)*<br><br>*Tonggak Dua Belas (INTAN)* |
| | a. Definisi | Mengasaskan kehidupan atas kebenaran (hak) sama ada dengan bercakap benar dan melakukan yang benar di samping memerangi prasangka serta mengetepikan khabar angin dan rasa ragu-ragu. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Zumar*, 39:33<br>Surah *al-Baqarah*, 2:147<br>Surah *al-Hujurat*, 49:6<br><br>al-Hadis;<br>*"Tinggalkan apa yang kamu ragui kepada apa yang kamu tidak ragui kerana bercakap benar itu adalah keterangan dan berdusta itu keraguan".* | |
| 2. | Isi<br>a. Hakikat benar | - Benar dalam niat.<br>- Benar dalam kemahuan dan keazaman.<br>- Benar dalam tutur kata.<br>- Benar dalam pekerjaan.<br>- Benar dalam menepati janji.<br>- Menapis berita dan maklumat yang diterima. | |
| | b. Akibat bersikap benar | - Tidak menyebarkan perkara yang tidak benar. | |
| | c. Akibat tidak bersikap benar | - Menimbulkan fitnah.<br>- Hilang kepercayaan dan maruah diri.<br>- Merupakan ciri orang munafik.<br>- Perselisihan faham. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Amalan benar perlu dilaksanakan dalam semua urusan kehidupan secara berterusan. | |

Tajuk : Bijaksana (Hikmah)

Objektif : Untuk melahirkan penjawat awam yang menggunakan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Tentang selok belok (teknik) mengerjakan sesuatu sehingga menjadi daya penggerak menghasilkan kualiti kerja yang berfaedah dan berkesan. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:269<br>Surah *al-Nahl*, 16:125 | |
| 2. | Isi | | |
| | a. Hikmah boleh tercapai | - Banyak membaca dan tingkatkan ilmu.<br>- Membuat kajian/penyelidikan latar belakang pelanggan/pengguna.<br>- Diri sendiri hendaklah berakhlak mulia/model kepada orang lain. | |
| | b. Kelebihan orang yang berhikmah | - Sifat terpuji.<br>- Model yang baik.<br>- Mendapat ganjaran pahala.<br>- Kawan bertambah ramai.<br>- Menarik perhatian pelanggan. | |
| | c. Skop Hikmah | - Bijak menggunakan masa.<br>- Mengawal kewangan/perbelanjaan supaya tidak membazir.<br>- Tidak membazir tenaga dalam pekerjaan sia-sia.<br>- Berkomunikasi dengan staf dan pelanggan secara baik.<br>- Tingkah laku yang mesra. | |
| | d. Kesan tidak berhikmah | - Imej buruk kepada diri sendiri.<br>- Rakan sejawat menjauhkan diri/merosakkan nilai setiakawan.<br>- Pengguna/pelanggan melarikan diri/menjauhkan diri.<br>- Imej organisasi tercemar (tidak cekap).<br>- Menjejaskan pencapaian objektif organisasi.<br>- Organisasi mengalami kerugian. | |
| 3. | Soal jawab | | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 4. | Kesimpulan | Kebijaksanaan amat penting untuk mewujudkan kecemerlangan diri sendiri, organisasi dan kepuasan pelanggan. | |

Tajuk : Telus

Objektif : Untuk melahirkan kejujuran dan keikhlasan dalam menjalankan tugas tanpa menyembunyikan fakta-fakta tertentu.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan<br>a. Definisi | Perlakuan jujur dan ikhlas. Jangan sekali-kali berbohong atau menipu semata-mata untuk mengambil jalan mudah. Sifat telus perlu dalam setiap bicara, perbuatan dan keputusan. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| | b. Dalil | al-Quran; Surah *al-Bayyinah*, 98:5<br><br>al-Hadis;<br>Sabda Nabi Muhammad SAW dari Muaz bin Jabal yang bermaksud: *"Ikhlaslah olehmu akan segala amal nescaya memadai akan kamu dari amalan yang sedikit".*<br><br>Contoh: Saidina Umar al-Khattab berkata: *"Barangsiapa tulus ikhlas niatnya kerana Allah nescaya memadailah Allah SWT dapat menolong apa-apa perkara bersangkut paut antara manusia sesama manusia".* | |
| 2. | Isi<br>a. Kepentingan ketelusan | - Mengelak daripada keraguan.<br>- Mengelak tohmahan.<br>- Menambah keyakinan. | |
| | b. Amalan ketelusan | - Mengikut prosedur dan mengurangkan bicara.<br>- Mengurangkan budi bicara. | |
| | c. Akibat tidak telus | - Menimbulkan tohmahan.<br>- Menimbulkan keraguan.<br>- Mengurangkan keyakinan. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Kejujuran amat berkait rapat dengan integriti diri, telus menjadikan diri hebat di mata orang lain dan dapat dipercayai serta mempunyai aura kepimpinan dan karisma tersendiri baik dalam rumah tangga mahupun masyarakat. | |

Tajuk : Bersyukur

Objektif : Untuk memastikan penjawat awam dapat menzahirkan penghargaan dan kesyukuran di atas kemudahan yang diberi.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Setiap manusia dikurniakan pelbagai nikmat atau pemberian daripada Allah SWT. Selain sebagai anggota masyarakat dan penjawat awam, beberapa kemudahan disediakan dan jika dihitung sudah tentu ia akan mendorong seseorang itu untuk bersyukur dan berterima kasih. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Ke-pada Penger-tian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis* |
| | a. Definisi | Melahirkan atau mengucapkan perhargaan pujian dan terima kasih kepada Allah SWT dan sesama manusia di atas nikmat yang diberikan. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *Luqman*, 31:12<br>Surah *al-Baqarah*, 2:152<br><br>al-Hadis;<br>*“Orang yang dianggap paling bersyukur kepada Allah ialah orang yang paling banyak berterima kasih kepada manusia”.*<br>(Riwayat at-Tabarani) | |
| 2. | Isi<br>a. Bersyukur kepada nikmat dan menghargainya | - Syukur di atas nikmat wujud.<br>- Syukur di atas nikmat insan.<br>- Syukur di atas nikmat akal.<br>- Syukur di atas nikmat rezeki dan pemberian.<br>- Syukur di atas nikmat iman dan Islam. | |
| | b. Bahagian syukur | - Syukur kepada Allah SWT.<br>Syukur manusia kepada Allah SWT adalah kesyukuran yang mutlak sama ada seseorang manusia itu telah dianugerahkan dengan nikmat yang banyak atau sedikit.<br><br>- Syukur sesama manusia.<br>Adalah suatu ketetapan daripada Tuhan supaya kebajikan dibalas dengan kebajikan. | |
| | c. Cara bersyukur dengan Allah SWT | - Beriman dengan sebenar-benarnya kepada Allah SWT.<br>- Melakukan amal soleh.<br>- Melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar*. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | d. Cara bersyukur/ berterima kasih kepada sesama manusia | - Melaksanakan tanggungjawab berdasarkan kemampuan.<br>- Bekerja dengan penuh tekun tanpa sebarang rungutan.<br>- Patuh dan sabar menerima semua arahan.<br>- Sanggup mengorbankan masa dan tenaga dalam melaksanakan tugas demi bangsa, agama dan negara. | |
| | e. Bersyukur menambah nikmat | al-Quran;<br>Surah *Ibrahim*, 14:7<br>Surah *al-Naml*, 27:16 | |
| | f. Akibat tidak bersyukur | - Rezeki yang diperolehi tidak berkat.<br>- Menjadi takbur dan sombong.<br>- Tidak mendapat kebahagiaan dan ketenangan jiwa.<br>al-Quran; Surah *al-Naml*, 27:40 | |
| | g. Kufur nikmat | - Tidak mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah SWT atau pun tidak menghargai pemberian sesama manusia atau mengakui bahawa nikmat atau kesenangan hasil usaha sendiri.<br>al-Quran; Surah *al-Naml,* 27:10 | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Sikap bersyukur amat penting dimiliki oleh semua anggota perkhidmatan awam. Dengan adanya perasaan syukur terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah SWT akan menjadikan seseorang itu tabah menghadapi sebarang pekerjaan dan tidak mudah menunjukkan sikap negatif terhadap setiap perkara yang tidak menyenangkan dalam pekerjaan. | |

Tajuk : Adil

Objektif : Untuk melahirkan penjawat awam yang bersikap adil dan saksama dalam menjalankan tugas.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Adil merupakan salah satu nilai yang dihayati oleh semua peringkat dalam kehidupan. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis*<br><br>*Panduan al-Qur'an dan Hadith bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam (JAKIM)*<br><br>*Citra Karya Falsafah Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam (INTAN)* |
| | a. Definisi | - Adil bermaksud memberikan kepada yang berhak akan haknya mengikut kadar masing-masing atau meletakkan sesuatu pada tempatnya.<br>- Adil dalam konteks penjawat awam membawa erti sama rata atau tidak memihak kepada mana-mana pihak. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Nisa'*, 4:58<br>Surah *al-Ma'idah*, 5:8<br>Surah *al-Nahl*, 16:90<br><br>al-Hadis;<br>"*Tiga perkara yang menyelamatkan, takut kepada Allah ketika bersketika suka dan marah, berjimat cermat ketika susah dan senang. Tiga perkara yang membinasakan iaitu mengikut hawa nafsu, terlampau bakhil dan kagum seseorang dengan dirinya sendiri".*<br>(Riwayat al-Syaikhani)<br><br>Contoh: Kisah Saidina Ali yang kehilangan baju besi. | |
| 2. | Isi | | |
| | a. Amalan bersikap adil | - Dalam keluarga.<br>- Dalam masyarakat.<br>- Dalam organisasi.<br>- Dalam negara. | |
| | b. Adil dalam konteks organisasi | Adil terbahagi kepada empat (4) iaitu:<br>- Adil terhadap diri sendiri.<br>- Adil terhadap orang bawahan.<br>- Adil terhadap orang atasan.<br>- Adil terhadap saudara dan teman sejawat. | |
| | c. Akibat tidak berlaku adil | - Membuat keputusan mengikut nafsu.<br>- Mengkhianati orang lain.<br>al-Quran; Surah *al-Nisa'*, 4:105 | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Hendaklah berlaku adil dalam semua hal meliputi segala aspek kehidupan manusia. | |

Tajuk : Bersih

Objektif : Untuk melahirkan penjawat awam yang bersikap bersih.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Kebersihan merupakan satu ciri penting yang perlu wujud dalam kehidupan manusia yang menjalankan semua urusan. Ia merangkumi aspek rohani dan jasmani. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Bersih bermaksud kebersihan dari aspek fizikal dan moral yang membawa maksud bersih diri, pakaian, pengurusan dan pemilikan harta, serta bersih hati dari segala sifat dengki, khianat dan sebagainya. | *al-Hadis: Riyad al-Salihin*<br><br>*Peribadi Muslim (Muhammad al-Ghazali, Terjemahan oleh Osman bin Khalid, JAKIM)* |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:222<br>Surah *al-Muddaththir*, 74:4-5<br>Surah *al-Nazi'at*, 79:7<br><br>al-Hadis;<br>"*Bahawasanya di dalam tubuh manusia itu ada seketul daging apabila ia baik, baik pulalah seluruh badan, tetapi apabila ia rosak, rosak pulalah seluruh badan. Ingatlah itu adalah hati".*<br>(Riwayat Al-Bukhari) | *Panduan al-Qur'an dan Hadith bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam (JAKIM)* |
| 2. | Isi<br>a. Amalan bersikap bersih | i. Rohani<br>- Niat ikhlas.<br>- Bersih dari segala kejahatan.<br>- Bersih dari kekufuran.<br>- Bersih dari segala dosa.<br>- Mematuhi ajaran Allah SWT.<br>al-Quran; Surah *al-Syams*, 91:9-10<br><br>ii. Jasmani dan fizikal<br>- Bersih diri.<br>- Bersih pakaian.<br>- Bersih rumah.<br>- Bersih bangunan pejabat.<br>- Bersih kawasan persekitaran.<br><br>iii. Mental<br>- Berfikiran positif.<br>- Tidak prejudis.<br>al-Quran; Surah '*Abasa,* 80:1-3 | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | iv. Harta<br>- Rezeki yang halal (larangan riba).<br>- Bersedekah.<br>- Berzakat.<br>al-Quran; Surah *al-Mujadalah*, 58:12 | |
| | b. Akibat tidak bersih | - Penyakit hati.<br>- Penipuan.<br>- Penyakit jasmani.<br>- Pecah amanah.<br>- Rasuah.<br>- Suka menuturkan perkataan yang kotor.<br>- Berpakaian tidak kemas dan selekeh. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Kebersihan dalam semua aspek sangat diperlukan bagi penjawat awam yang ingin mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. | |

Tajuk : Tekun

Objektif : Untuk memastikan penjawat awam dapat melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh dan penuh penelitian.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Salah satu nilai utama yang amat penting dipraktikkan dalam sesebuah organisasi, pekerja yang tekun akan mengutamakan kepentingan tugas daripada kepentingan peribadi. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam Nawawi)*<br><br>*Citra Karya Falsafah Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam (INTAN)*<br><br>*Panduan al-Qur'an dan Hadith bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Tekun bererti memberi tumpuan kepada sesuatu kerja hingga selesai dengan sempurna dan membawa kejayaan serta kecemerlangan kepada organisasi dan individu.<br><br>Contoh: Kesungguhan Imam al-Syafie dalam menuntut ilmu. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Nisa'*, 4:32<br>Surah *al-'Ankabut*, 29:69<br><br>al-Hadis;<br>"*Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu membuat sesuatu perkara, ia melakukan dengan tekun (memperbaiki dan mempertingkatkan)".*<br>(Riwayat al-Baihaqi) | |
| 2. | Isi<br>a. Galakan ketekunan | - Motivasi.<br>- *Empowerment* (memperkasakan).<br>- Suasana persekitaran kerja.<br>- Berkesan dan berkualiti. | |
| | b. Amalan ketekunan | - Bekerjasama tanpa rasa jemu serta bersedia menjalankan tugas.<br>- Tidak berputus asa dalam melaksanakan dan sentiasa mengharapkan kejayaan.<br>- Sanggup menghadapi cabaran dan persaingan dalam perubahan semasa demi mempertingkatkan maruah, agama, bangsa dan negara.<br>- Tidak mengharapkan tambahan upah, ganjaran dan sanjungan.<br>- Mengutamakan kepentingan tugas daripada kepentingan diri.<br>- Sentiasa berusaha mengatasi sebarang masalah dengan bersungguh-sungguh sama ada secara berseorangan atau berkumpulan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | - Dapat meningkatkan mutu kecekapan dan produktiviti.<br>- Gigih dalam melaksanakan tugas yang mencabar. | |
| | c. Akibat tidak tekun | - Mudah rasa jemu.<br>- Menyusahkan pelanggan.<br>- Mudah berputus asa.<br>- Produktiviti menurun.<br>- Bekerja sambil lewa dan tidak meningkatkan mutu.<br>- Tidak sanggup bekerja lebih masa.<br>- Tidak berusaha meningkatkan mutu kerja.<br>- Kurang berdisiplin. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Ketekunan membawa kejayaan. | |

Tajuk : Sabar

Objektif : Untuk memastikan penjawat awam yang mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi tekanan kerja.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Sabar ialah suatu sifat yang boleh memelihara diri daripada sesuatu ketetapan yang telah diputuskan oleh akal fikiran atau keputusan yang lain. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Sabar ialah keupayaan menahan diri dan anggota dalam melakukan ketaatan dan meninggalkan maksiat kepada Allah SWT. | *al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam Nawawi)* |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Baqarah*, 2:153<br>Surah *ali 'Imran*, 3:200<br><br>al-Hadis;<br>"*Sabar itu adalah separuh daripada iman dan yakin memenuhi iman kesemuanya".*<br>(Riwayat Abu Naim)<br><br>al-Hadis;<br>"*Sabar itu cahaya".* (Riwayat Muslim) | *Bimbingan Mukmin (Ringkasan Ihya' Ulumuddin Karangan al-Imam Ghazali)*<br><br>*Peribadi Muslim (Muhammad al-Ghazali, Terjemahan oleh Osman bin Khalid, JAKIM)* |
| 2. | Isi | | |
| | a. Kelebihan sifat sabar | - Mengelak daripada berputus asa.<br>- Sifat orang yang beriman.<br>- Mencapai kejayaan.<br>- Memberi kekuatan diri menghadapi musuh dan sewaktu marah.<br>- Menjaga maruah. | |
| | b. Batasan kesabaran | - Kesabaran tidak melebihi tahap bahaya juga sampai menjatuhkan maruah diri sendiri.<br>- Ketika sakit berubat.<br>- Ketika nikmat syukur.<br>- Ketika perang berani. | |
| | c. Amalan bersabar | - Sabar ketika marah.<br>- Sabar ketika menerima kesusahan.<br>- Sabar ketika menghadapi ujian Allah SWT.<br>- Sabar menjalankan tugas yang diamanahkan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
| --- | --- | --- | --- |
| | d. Akibat tidak sabar | - Mudah berputus asa.<br>- Menghalang kemajuan.<br>- Menimbulkan kemusnahan.<br>- Membuat keputusan terburu-buru. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Sesungguhnya Allah SWT sentiasa bersama orang yang sabar yang dapat mengawal diri daripada kegelisahan dan menerima segala dugaan, rintangan dan segala suruhan Allah SWT dengan hati yang tenang serta tidak merasa jemu dan berputus asa dalam menghadapi kesulitan hidup. | |

Tajuk : Sederhana

Objektif : Untuk melahirkan penjawat awam yang bersikap sederhana dan memenuhi keseimbangan tuntutan dunia dan akhirat.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Sederhana menurut ajaran Islam ialah perseimbangan dalam memenuhi tuntutan keduniaan dan tuntutan akhirat, antara rohani dan jasmani, antara akal dengan nurani, antara ideal dan realiti dan antara keimanan dan kekuasaan. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Kesederhanaan adalah sikap yang menolak keterlaluan sama ada keterlaluan dalam menetapkan sesuatu peraturan, perbelanjaan dan sebagainya. | *al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam Nawawi)* |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-A'raf*, 7:31<br>Surah *al-Qasas*, 28:77<br><br>al-Hadis;<br>"*Makanlah serta minumlah dan bersedekahlah dan juga pakailah (pakaian yang baik-baik serta berhiaslah) asalkan jangan kerana bermegah-megah, menyombong dan janganlah pula melampau-lampau kerana Allah suka melihat kesan-kesan nikmatnya kepada hambanya".*<br>(Riwayat Ibnu Majah dan Nasa'i) | *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam (Dr. Yusuf al-Qaradhawi)* |
| 2. | Isi<br>a. Salah faham terhadap konsep sederhana | - Islam tidak bersetuju dengan mereka yang menolak dunia secara keseluruhan seperti menolak perkahwinan serta menjauhi kebaikan dalam kehidupan seperti makan, minum, pakaian, perhiasan dan sebagainya.<br>- Islam juga tidak bersetuju terhadap mereka yang menjadikan dunia sebagai habuan. Contohnya bekerja untuk mengejar kepentingan peribadi sehingga melalaikan untuk beribadat kepada Allah SWT.<br>al-Quran; Surah *al-Baqarah*, 2:201 | |
| | b. Amalan bersederhana | i. Dalam ibadat<br>- Melaksanakan ibadat dengan sempurna dan tenang mengikut syarat-syarat yang ditentukan.<br>al-Quran;<br>Surah *al-Qasas,* 28:77<br>Surah *al-A'raf*, 7:55 | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | ii. Dalam pekerjaan dan tindakan<br>- Sedia menerima nasihat, cadangan dan pendapat orang lain.<br>- Bijaksana dalam membuat pertimbangan dan keputusan.<br>al-Quran;<br>Surah *Luqman*, 31:18-19<br>Surah *al-A'raf,* 7:31<br><br>iii. Sederhana dalam pekerjaan<br>- Sederhana dalam pekerjaan bukan bermaksud melambatkan kerja, ponteng kerja atau melanggar disiplin organisasi.<br>al-Quran;<br>Surah *al-Furqan*, 25:67 | |
| | c. Akibat tidak bersifat sederhana | - Ketidakseimbangan dalam diri ketika bertugas.<br>- Sukar untuk dibuat penilaian. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Kesederhanaan mengambil kira semua aspek sama ada kebendaan dan kerohanian dan natijahnya mencapai tahap kecemerlangan. | |

Tajuk : Taat

Objektif : Untuk melahirkan penjawat awam yang taat setia kepada organisasi selaras dengan tuntutan Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Suatu nilai yang perlu dihayati oleh setiap individu dalam kehidupan dalam kalangan keluarga, organisasi dan negara. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*al-Hadis: Riyad al-Salihin (Imam Nawawi)*<br><br>*Lelaki Soleh: Martabat dan Perwatakan serta Sifat-Sifatnya (Abu Mohd. Jibril Abdul Rahman)* |
| | a. Definisi | Patuh dan taat kepada perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Taat sesama manusia dilaksanakan segala perintah dan larangannya, bukan dalam perkara maksiat. | |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *ali 'Imran*, 3:32<br>Surah *al-Ma'idah*, 5:92<br><br>al-Hadis;<br>Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:<br>*"Atas seorang muslim wajib mendengar dan taat dalam hal yang ia suka dan tidak suka kecuali diperintahkan dalam hal maksiat, maka tidak boleh mendengar dan taat.*<br>(Riwayat Bukhari dan Muslim) | |
| 2. | Isi<br>a. Amalan ketaatan | - Taat kepada Allah SWT.<br>Taat kepada Allah SWT adalah mutlak kerana Allah SWT mempunyai kuasa paling tinggi ke atas manusia.<br><br>- Taat kepada Rasulullah SAW.<br>al-Quran; Surah *al-Nisa'*, 4:59<br><br>- Pemimpin.<br>- Keluarga.<br>- Organisasi.<br>- Masyarakat.<br>- Negara.<br>- Ibu Bapa.<br><br>Selagi mana tidak menyuruh kepada maksiat.<br>al-Quran;<br>Surah *al-Isra'*, 17:23<br>Surah *Luqman*, 31:14-15 | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | b. Akibat tidak taat | - Khianat.<br>- Penyelewengan.<br>- Penipuan.<br>- Konflik dalam pengurusan.<br>- Hubungan antara pekerja dengan majikan tidak baik.<br>- Produktiviti berkurangan.<br>- Matlamat organisasi tidak tercapai.<br>- Mengancam keselamatan dan kestabilan negara.<br>- Perpecahan atau kekalahan.<br>Contoh: Tentera Islam kalah dalam peperangan Uhud. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Patuh dan taat merupakan satu tuntutan yang perlu dilaksanakan selagi mana tidak bertentangan dengan Allah SWT. | |

Tajuk : Berdisiplin

Objektif : Untuk melahirkan penjawat awam yang bertanggungjawab dan patuh kepada peraturan.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Allah SWT sentiasa memerhati dan mengawasi setiap umat manusia yang hidup di atas dunia ini. Oleh itu, mereka hendaklah sentiasa berhati-hati dan membuat pertimbangan yang wajar ke atas setiap perkara yang akan dilaksanakan. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Berdisiplin bererti patuh, mengikut atau taat kepada undang-undang, peraturan atau tatatertib dan seumpamanya. | *Panduan al-Qur'an dan Hadith bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam (JAKIM)* |
| | b. Dalil | al-Quran;<br>Surah *al-Ma'idah*, 5:48<br>Surah *al-Saff*, 61:4 | |
| 2. | Isi | | *Citra Karya Falsafah Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam (INTAN)* |
| | a. Disiplin satu tuntutan | - Menunaikan ibadat kepada Allah SWT.<br>- Dalam keluarga.<br>- Dalam organisasi. | |
| | b. Kepentingan disiplin | - Kerja yang membudayakan peraturan dalam kehidupan.<br>- Mempunyai pegangan agama yang kuat.<br>- Sentiasa menjaga imej dan maruah diri serta terasa hina jika terlibat dengan kecuaian.<br>- Meningkatkan produktiviti dan hasil kerja berkualiti. | |
| | c. Amalan | - Dapat melatih penjawat awam supaya patuh kepada semua peraturan dan prosedur kerja.<br>- Mengekalkan sifat hormat menghormati antara pekerja atasan dan bawahan.<br>- Sentiasa menghargai masa.<br>- Menghasilkan kerja yang kemas dan berkesan.<br>- Meningkatkan produktiviti dan hasil kerja yang berkualiti. | |
| | d. Akibat tidak berdisiplin | - Tidak mengikut peraturan.<br>- Kerja tidak kemas.<br>- Mengutamakan kepentingan diri.<br>- Menghilangkan keyakinan pelanggan.<br>- Membantutkan kerja sebagai ibadah.<br>- Menjatuhkan imej jabatan. | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Berdisiplin dalam semua urusan untuk meningkatkan kecemerlangan dan produktiviti. | |

Tajuk : Malu

Objektif : Untuk mengawal penjawat awam daripada melakukan perkara-perkara negatif dan bercanggah dengan nilai Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Malu merupakan sebahagian daripada iman dan sifat malu adalah tanda atau alamat yang sebenar bagi tabiat manusia. Ia menyingkap nilai iman serta melambangkan peribadi seseorang. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)*<br><br>*Hadith 40: Terjemahan dan Syarahnya (Mustafa Abdul Rahman, Dewan Pustaka Fajar)*<br><br>*Peribadi Muslim (Muhammad al-Ghazali, Terjemahan oleh Osman bin Khalid, JAKIM)* |
| | a. Definisi | Malu ialah perasaan yang mendesak seseorang supaya menghindarkan segala yang keji dan melaksanakan segala yang terpuji. | |
| | b. Dalil | al-Quran; Surah *al-Nur*, 24:30-31<br><br>al-Hadis;<br>"*Apabila engkau tidak malu, maka kerjakanlah apa yang engkau kehendaki".*<br>(Riwayat Al-Bukhari) | |
| 2. | Isi<br>a. Amalan bersikap malu | - Satu cabang daripada iman.<br>- Sifat seorang muslim.<br>- Mencontohi sifat Rasulullah SAW.<br>- Sifat yang mulia.<br>- Mendorong seseorang meninggalkan perkara yang buruk.<br>- Menahan seseorang daripada mencuaikan kewajipan terhadap diri, keluarga, masyarakat, organisasi dan negara.<br>- Tidak membuat sesuatu tindakan yang menyakiti orang atau pihak lain.<br>- Malu untuk mengkhianati Allah SWT yang maha mengetahui apa yang tersembunyi.<br>- Malu kepada Allah SWT sebagai garis pemisah antara akhlak muslim dengan akhlak bukan muslim. | |
| | b. Akibat tidak bersikap malu | - Merosakkan imej diri dan jabatan.<br>- Mendorong persaingan negatif.<br>- Membantut kemajuan.<br>- Mudah berlaku penyelewengan. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Malu sebagai kekuatan dalam mendorong melakukan kebaikan serta menghindarkan diri daripada melakukan keburukan. | |

Tajuk : Bekerjasama

Objektif : Untuk mengeratkan jalinan kerja dalam kalangan penjawat awam dalam melaksanakan kerja secara bersepadu.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengenalan | Bekerjasama merupakan suatu amalan yang sangat digalakkan oleh Islam terutama yang membawa kebaikan dan takwa serta menghindarkan diri daripada melakukan kerjasama dalam perkara dosa dan maksiat. | *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (JAKIM)* |
| | a. Definisi | Saling tolong-menolong di antara satu sama lain terutamanya bekerjasama dalam memberi kebaikan sama ada kepada sesama manusia atau organisasi. | *Panduan al-Qur'an dan Hadith bagi Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam (JAKIM)* |
| | b. Dalil | al-Quran; Surah *al-Ma'idah*, 5:2<br><br>al-Hadis;<br>"*Mukmin dengan mukmin yang lain ibarat satu bangunan saling memperkukuhkan".* | *Citra Karya Falsafah Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam (INTAN)* |
| 2. | Isi<br>a. Amalan bekerjasama | - Bekerjasama dalam membuat kebajikan.<br>- Melaksanakan kerja berpasukan.<br>- Memudahkan dan mempercepatkan kerja.<br>- Mengukuhkan perpaduan.<br>- Bekerjasama dalam menangani keburukan.<br>- Melahirkan hubungan persaudaraan yang mulia. al-Quran;<br>Surah *ali 'Imran*, 3:103<br>Surah *al-Hujura*t, 49:10<br><br>al-Hadis;<br>*"Seseorang mukmin bagi seorang mukmin yang lain bagaikan binaan yang menyokong satu sama lain"*.<br><br>- Terhindar dari bahaya perpecahan dan mendorong ke arah jemaah.<br>- Berhubungkait dengan toleransi dalam Islam. al-Quran;<br>Surah *al-Kafirun*, 109:1-6<br>Surah *al-An'am*, 6:108 | |

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
| --- | --- | --- | --- |
| | b. Akibat tidak bekerjasama | - Merosakkan imej organisasi dan negara.<br>- Persaingan negatif dan tidak sihat.<br>- Membantutkan kemajuan.<br>- Merosakkan perpaduan.<br>- Melambatkan kerja.<br>- Mengurangkan produktiviti. | |
| 3. | Soal jawab | | |
| 4. | Kesimpulan | Bekerjasama amat dituntut oleh Islam sama ada dalam kalangan keluarga, masyarakat dan negara selagi mana tidak membawa kepada maksiat dan dosa. | |

## PROGRAM HARI KEBESARAN ISLAM

Tajuk : Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam

Objektif : Meningkatkan kefahaman, penghayatan dan kecintaan terhadap hari-hari kebesaran Islam.

| BIL | KANDUNGAN | HURAIAN | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Program sambutan hari kebesaran Islam | Pelaksanaan sambutan hari-hari kebesaran Islam antaranya:<br><br>- Awal Muharam (Maal Hijrah)<br>- Maulidur Rasul<br>- Israk dan Mikraj<br>- Nuzul al-Quran<br>- Ihya' Ramadan<br>- Hari Raya Aidilfitri<br>- Hari Raya Aidiladha<br>- Nisfu Syaaban<br>- Sayyidul Ayyam | |